


**Jilid III  
Bil. 21**



**Hari Jumaat  
18hb Disember, 1981**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2397]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Waktu Standard Malaysia [Ruangan 2430]**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) [Ruangan 2460]**

MALAYSIA  
**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.  
(Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,  
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL  
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T.,  
P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam  
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.  
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,  
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N. J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,  
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.  
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.  
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).

- Yang Berhormat DATO' HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).

- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.  
(Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.  
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,  
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,  
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,  
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N.  
(Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahamd Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Sharif bin Md. Saad.

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Jumaat, 18hb Disember, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAANANGGOTA POLIS YANG  
DIAMBIL TINDAKAN

1. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah anggota-anggota Polis yang telah diambil tindakan di atas berbagai-bagai kesalahan dan nyatakan jumlah yang:

- (a) dibuang kerja;
- (b) digantung kerja; dan
- (c) dihadapkan ke mahkamah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah anggota-anggota Polis yang telah diambil tindakan tata tertib pada tahun 1981 sehingga bulan Oktober adalah seramai 2,373 orang. Daripada jumlah ini seramai 105 orang anggota telah dibuang kerja dan seramai 25 orang anggota telah digantung kerja. Pada tahun ini juga iaitu sehingga bulan November seramai 118 orang anggota Polis telah dihadapkan ke mahkamah kerana melakukan berbagai-bagai kesalahan.

LEBUHRAYA SEGAMAT/  
KUANTAN—KEMALANGAN

2. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan, memandangkan

beberapa kemalangan serius telah berlaku di lebuh raya Segamat/Kuantan berpunca dari kelalaian pemborong mengkambus balik lubang-lubang yang dikorek dan menyediakan tanda-tanda perlu untuk memberi amaran awal kepada pemandu-pemandu kereta, tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menjamin keselamatan pemandu-pemandu.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini Lebuh raya Kuantan/Segamat masih lagi di dalam peringkat pembinaan dan oleh itu belum dibuka untuk kegunaan orang ramai. Sungguhpun begitu ada juga orang ramai mengguna jalan ini tanpa kebenaran. Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaannya JKR telahpun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyiapkan segala kelengkapan supaya apabila siap dan dibuka lebuh raya ini dapat digunakan dengan selamatnya.

Tuan Loo Swee Mok: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sungguhpun lebuh raya itu masih belum dibuka untuk orang ramai tetapi orang ramai sudah tahu jalan itu telah disiapkan untuk pihak Kerajaan dan telah banyak orang awam menggunakan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan khasnya sebuah syarikat swasta telahpun menggunakan lebuh raya itu kerana dari Segamat ke Kuantan atau dari Bukit Ibam ke Kuantan boleh dikurangkan berpuluh-puluh batu. Oleh yang demikian, rakyat boleh menjimatkan kewangan dan masa mereka tetapi pihak yang berkenaan tidak bertanggungjawab, lubang-lubang yang dikorek itu merupakan satu perangkap maut kerana telah menyebabkan beberapa kenderaan telah jatuh ke dalam lubang itu, yang ada tercedera dan nyawa terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan yang seperti ini sepatutnya boleh dielakkan supaya pemborong-pemborong melaksanakan pekerjaan untuk meletakkan pembetong-pembetong atau membaiki jalan, mesti meletakkan papan tanda-papan tanda amaran kepada pemandu kereta. Pemandu kereta mesti berhati-hati dan berwaspada untuk menjaga keselamatan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, apa soalan tambahannya?

**Tuan Loo Swee Mok:** Saya harap pihak Kementerian akan mengambil langkah yang lebih tegas dan lebih berkesan supaya kemalangan ini boleh dielakkan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar semua penjelasan yang saya terima daripada Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, apa yang saya terangkan tadi Lebuhraya Kuantan/Segamat belum disiapkan lagi dan mengenai kegunaan jalan ini dalam masa pembinaan, Seksyen 61 (1) di bawah Road Traffic Ordinance, Menteri Kerjaraya boleh menahan semua kenderaan daripada menggunakan jalan yang sedang dalam pembinaan.

Walaupun bagaimanapun, tidaklah patut kuasa ini dilaksanakan bagi menghalang kereta-kereta menggunakan Lebuhraya Kuantan/Segamat tetapi boleh digunakan oleh kenderaan dengan memandu lebih cermat. Walau bagaimanapun, saya harap tidak lama lagi kita akan menyiapkan lebuhraya ini di mana rakyat jelata dan juga Ahli Yang Berhormat sendiri boleh gunakan jalan ini.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Tadi Ahli Yang Berhormat yang bertanya mengatakan banyak digunakan oleh orang-orang awam di mana jalan itu belum disiapkan lagi.

Di sini saya ingin bertanya apakah tindakan ataupun apakah hukumannya jika sekiranya orang awam menggunakan lalulintas itu ada kemalangan, kematian; bagaimana kesalahannya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara kegunaan jalan yang belum dapat disiapkan itu telah berlaku lebih kurang 6 tahun. Oleh sebab itulah baru-baru ini kita kenakan satu undang-undang baru. Tetapi mengikut kandungan undang-undang itu, Kementerian saya belum mengambil apa-apa tindakan. Jikalau sampai satu masa untuk mengambil tindakan atas penggunaan-pengguna jalan itu kita mesti mengambil tindakan. Tetapi kemalangan yang berlaku di jalan yang ada di dalam peringkat pembinaan, itu saya tidak boleh ambil apa-apa tindakan dan Kementerian saya tidak boleh membayar apa-apa ganti rugi kepada mereka.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kemalangan jalan-jalan raya ini bukan sahaja rasa saya lebuhraya Segamat/Kuantan tetapi di seluruh tanahair kita ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah undang-undang berkenaan jalanraya sekarang diperbuat supaya di kiri kanan jalanraya itu serantai misalnya tidak dibenarkan orang menanam pokok-pokok ataupun sebarang tanaman yang membahayakan orang lalulalang atau pemandu-pemandu kereta? Di sini saya suka menarik perhatian selalu apabila kita lalulalang apabila musim hujan, angin ribut, selalu dahan-dahan pokok dan pokok juga jatuh disebabkan pokok-pokok ditanam berhampiran dengan jalanraya. Saya amat hairan tidakkah ada seperti saya katakan tadi, satu undang-undang yang diperlukan bagi menyelamatkan manusia bagi pihak Kementerian ini supaya seluruh jalanraya di tanahair kita ini di kiri kanannya rasa saya serantai tidak dibenarkan ditanam pokok-pokok istimewa pokok-pokok besar yang boleh membahayakan bukan sahaja jalanraya tetapi meragut nyawa manusia. Bolehkah Yang Berhormat Menteri?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Undang-undang sedia ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Azlan Kinjawan.

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

**AMANAH SAHAM NASIONAL—  
JUMLAH PELABURAN**

**3. Tuan Haji Latip bin Haji Dris** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Bumiputra yang telah melabur dalam Amanah Saham Nasional dan jumlah pelaburan mereka setakat ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb November, 1981 seramai 834,271 bumiputra telah melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional. Jumlah kutipan bersih sehingga tarikh tersebut ialah \$293,300,000 dan nilai pelaburan setelah diambil kira pendahuluan 90 unit kepada pelaburan pokok ialah \$368,384,390.

**Puan Rahmah binti Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengulang kembali soalan saya yang saya buat beberapa hari yang lalu kepada Menteri yang berkenaan iaitu bolehkah Menteri pada hari ini memberitahu pecahan daripada jumlah yang disebutkan tadi, iaitu jumlah bumiputra yang telah melabur; berapakah laki-laki dan berapa perempuan dan saya difahamkan mulai pada bulan Januari ini jualan saham ini akan dibukakan kepada mereka yang berumur 18 tahun. Kenapa tidak jualan ini dibuat kepada mereka yang berumur 18 tahun pada mula-mulanya kita melancarkan jualan ASN ini. Apa sebabnya?

Yang ketiganya, saya ingin bertanya negeri manakah kalau ambil kira peratusan yang tinggi dan yang rendah sekali membeli saham-saham.

Satu lagi, berapakah yang telah menjual balik saham-saham ini oleh bumiputra dan ada pula yang bertambah lagi dan apa sebabnya?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang pertama tentang jantina lelaki ialah 58% dan perempuan 42%. Kenapa daripada awal tidak dibenarkan mereka yang kurang daripada 21 tahun membeli unit ini ialah pihak ASN hendak mengetahui dahulu berapa banyak orang yang akan membeli dan juga berapa pelaburan yang akan dibuat oleh mereka itu dan sekaranglah difikirkan sampai

masanya diperturunkan umur yang layak membeli unit-unit itu.

Tentang negeri yang tinggi sekali—ini saya beri angka ini sehingga 30hb November, 1981—negeri yang paling tinggi membeli mengikut peratus penduduk-penduduk bumiputra ialah Wilayah Persekutuan 45.5%, Negeri Sembilan 30.9%, Pahang 30.5% dan negeri-negeri yang paling sedikit sekali membeli unit-unit ini ialah Kelantan 10.3%, Terengganu 12.5% dan ketiganya Melaka 16%. Jumlah yang dijual balik sehingga 31hb Oktober ialah \$7 juta. Perlu diingat, Tuan Yang di-Pertua, penambahan berbanding dengan jualan balik ini adalah banyak kali ganda banyaknya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya mungkin dalam Amanah Saham Nasional ini ada juga penyelewengan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu setakat ini berapa orang yang sudah ditolak apabila disiasat bahawa permohonan ini tidak betul mengikut peraturan yang dikehendaki?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang ini yang ditolak adalah berjumlah 854 orang dan ini adalah termasuk mereka yang dikira bukan bumiputra tulin dan mereka yang tidak cukup umur.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab bumiputra ada di negara kita ini sebanyak 3.8 juta manusia dan orang yang melabur ke dalam Amanah Saham ini cuma 850,000 orang sahaja, adakah pada pandangan Kerajaan ini satu kegagalan bila memandang nisbah banyak bumiputra yang tidak melabur dan apakah ikhtiar supaya bilangan ini meningkat beberapa kali ganda lagi?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak dikira sebagai kegagalan bahkan ini satu kejayaan. Bagaimanapun Kerajaan masih mengikhtiar lagi untuk menambah bilangan bumiputra melabur dengan berbagai-bagai cara termasuklah penerangan yang lebih luas dan sebagainya.

### BAHASA KEBANGSAAN—KUASA KEPADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

4. **Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka yang dibentuk dengan tujuan antaranya seperti yang terdapat dalam bahagian 2 ceraian 5 (i) (iv) dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 tidak diberi kuasa untuk menguat-kuasakan pelaksanaan penggunaan Bahasa Kebangsaan dan sama ada beliau akan mengambil tindakan untuk meminda Akta tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka tidak diberi kuasa penguatkuasaan berhubung dengan pelaksanaan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Kementerian Pelajaran buat masa ini belum ada cadangan untuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 bagi memberi kuasa tersebut.

### PENUNTUN-PENUNTUN INDIA— RANCANGAN RTM

5. **Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penuntun-penuntun India tidak berpuashati dengan cuma rancangan seperti Berita Tumpuan Minggu dan Tayangan Filem Tamil dan apakah Kementerian akan menambahkan lagi rancangan-rancangan untuk penuntun India seperti mengadakan sandiwara Tamil setiap minggu.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan cuba dengan seberapa yang boleh memberi rancangan-rancangan yang dikira akan memenuhi kemahuan semua golongan penuntun dan pendengarnya. Sayugia diingat bahawa kebanyakan penuntun-penuntun keturunan India bukan hanya menuntun rancangan-rancangan dalam bahasa Tamil tetapi sebilangan besar juga menuntun rancangan-rancangan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Dari segi fahaman orang-orang India biasanya menuntun dan faham

rancangan-rancangan dalam Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil. Oleh yang demikian, Kementerian ini berpendapat bahawa susunan rancangan RTM pada masa ini adalah memuaskan.

**Datuk G. Pasamanickam:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian Penerangan Malaysia bercadang untuk mengadakan tiga saluran seperti siaran radio yang boleh dituntun oleh semua kaum di seluruh negara ini.

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, botehkah Ahli Yang Berhormat itu mengulang lagi sekali.

**Datuk G. Pasamanickam:** Adakah Kementerian Penerangan Malaysia bercadang untuk mengadakan tiga saluran seperti siaran radio yang boleh dituntun oleh semua kaum dalam negara ini.

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada televisyen, tiga saluran atau tiga rangkaian di televisyen. Pada masa ini daripada keutamaan yang kami ada di Kementerian Penerangan, keutamaan yang tertinggi sekali adalah untuk mengseragamkan apa yang ada di Semenanjung Malaysia dengan apa yang ada di Sabah dan Sarawak oleh kerana pada masa ini Sabah dan Sarawak hanya ada satu rangkaian iaitu rangkaian nasional. Oleh kerana itu keutamaan yang tertinggi sekali pada masa ini adalah untuk mengseragamkan kemudahan-kemudahan di antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

**Dato' Ismail bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, masalah tayangan filem di televisyen, adakah Yang Berhormat pasti masalah tayangan filem ini seminggu sekali ditayangkan sama ada tayangan filem Cina, Tamil ataupun Melayu. Kadang-kadang tidak tentu hala walhal bayaran kita bayar untuk kepuasan hati rakyat seminggu sekali untuk menuntun tayangan-tayangan filem yang dibuat oleh TV ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan supaya filem-filem yang bermutu ditayangkan untuk kepuasan hati rakyat bilamana rancangan Kerajaan disiarkan melalui televisyen. Bolehkah atau tidak?

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, patut saya jelaskan cara-cara di mana RTM menyewa filem-filem yang ditayangkan melalui televisyen. Kami mendapat filem-filem daripada pembekal-pembekal filem yang telah membayar banyak duit untuk mendapat copyright untuk filem itu dan apabila satu filem baru dibeli oleh satu pembekal. Dalam negara kita ada 554 buah pawagam atau panggung wayang dan filem-filem ini jika hendak mendapatkan balik duit yang dibayar oleh penerbit daripada luar negeri terpaksa ditayangkan di circuit I dahulu, lepas itu filem ini disimpan untuk circuit II untuk mendapat duit yang dibayar. Lepas circuit II sahaja pembekal itu kadang-kadang hendak menyewakan filem kepada televisyen dan oleh kerana ini telah menelan masa yang panjang kadang-kadang filem ini ada berlainan, tidak hujan pun nampak macam ada hujan. Tetapi ini tidak boleh dielakkan oleh kerana pembekal filem itu tidak mahu memberi lebih awal lagi.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tidak adakah rancangan Kementerian ataupun Kerajaan untuk membenarkan pihak-pihak swasta untuk menyiarkan di saluran TV sebagaimana di negara-negara lain, umpamanya di Filipina ada TV swasta yang ada rancangan setiap masa.

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini, tidak.

#### BERITA BERGAMBAR DI TV MALAYSIA

**6. Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Penerangan menyatakan dari bila masanya boleh rancangan Berita bergambar akan di siarkan di Televisyen Malaysia pada tiap-tiap minggu dan bukannya sebulan sekali seperti sekarang.

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut keupayaan dan daya penerbitan yang ada sekarang, TV Malaysia belum dapat menambah siaran berita bergambar seperti yang diinginkan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji apabila kemudahan-kemudahan serta bilangan kakitangan bertambah kelak.

#### DOKTOR PEREMPUAN MERAWAT IBU BERSALIN

**7. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang bagi mengadakan doktor perempuan untuk merawat ibu-ibu bersalin, kecuali bagi kes-kes tertentu sahaja yang boleh dirawat oleh doktor lelaki.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua doktor-doktor sama ada lelaki ataupun perempuan, adalah dilatih dalam bidang perubatan termasuk perbidanan. Perkhidmatan mereka adalah digunakan sepenuhnya yang mungkin, termasuk rawatan bagi ibu-ibu mengandung.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Oleh kerana doktor-doktor di negara kita boleh dikatakan cukup di wad-wad bersalin dan di hospital-hospital besar, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan iaitu oleh kerana menurut orang-orang Melayu, orang Islam rawatan oleh doktor-doktor lelaki kepada wanita-wanita dan perempuan bila masa bersalin ini adalah satu perkara yang menyalahi kebudayaan mereka dan juga ugama, melainkan dalam perkara-perkara kecemasan sahaja. Kalau di masa-masa yang biasa jika ada doktor lelaki dan doktor perempuan apakah perlunya doktor lelaki merawat di wad bersalin untuk perempuan-perempuan yang bersalin. Tidakkah boleh dihadkan selagi ada doktor perempuan di situ menjadi tugas doktor perempuan itu merawati perempuan-perempuan yang bersalin tidak pada doktor lelaki kecuali dalam perkara kecemasan ataupun kekurangan doktor. Dalam masa banyak doktor sekarang ini boleh atau tidak pihak Kementerian membuat peraturan atau membuat cara tertib supaya diutamakan doktor-doktor perempuan sahaja yang merawati perempuan-perempuan yang bersalin.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam negara ini sebenarnya ada kekurangan doktor dan doktor perempuan dalam perkhidmatan Kerajaan cuma ada 355 orang sahaja berbanding dengan

doktor lelaki yang lebih 1,420. Jikalau kita hendak mengadakan rancangan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak boleh kita berbuat demikian oleh kerana tidak cukup doktor-doktor perempuan untuk merawat semua kes-kes bersalin. Tetapi satu perkara patut saya bangkitkan di sini doktor-doktor lelaki ini bukan sahaja doktor-doktor itu merawat ibu-ibu mengandung, malahan mereka ada bersamanya perkhidmatan Jururawat-jururawat, bidan-bidan yang semuanya perempuan.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Cuma ada 14 buah sahaja hospital-hospital di tiap-tiap negeri. 14 buah negeri, ada mempunyai 14 buah hospital besar, yang lain itu di district-district. 300 doktor perempuan itu tidaklah boleh diecer atau diagih-agihkan kepada hospital-hospital ini semua supaya melengkap dan menutupi keperluan tersebut dan jangan ditempatkan doktor perempuan itu kepada satu hospital sahaja. Tidakkah boleh buat begitu?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau saya berbuat demikian ada berbangkit perkara yang lain. Di daerah-daerah juga perlu diadakan doktor-doktor perempuan. Jika semua doktor perempuan ditumpukan di Hospital Besar sahaja daerah-daerah luar bandar akan membangkang juga. Ini satu perkara yang tidak boleh dilaksanakan dengan secara ini sahaja-dengan hormatnya.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Husain:** Soalan tambahan. Adakah benar Yang Berhormat Menteri, apabila seorang lelaki sakit di hospital dirawat oleh kaum wanita penyakit itu lebih cepat sembuh (*Ketawa*) daripada dirawat oleh doktor lelaki yang masam mukanya, yang bengis; jadi adakah benar hal ini Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang percaya bahawa gentle touch itu boleh membawa psychological advantage.

## SYARIKAT INSURANS—KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

**8. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebilangan syarikat-syarikat Insurans yang menjalankan perniagaan di negara ini dan segala hasil keuntungan dari syarikat tersebut dihantar dan digunakan untuk sesuatu tujuan di luar negeri; dan
- (b) adakah beliau bercadang untuk mengadakan satu undang-undang supaya semua keuntungan Syarikat-syarikat Insurans di negara ini tidak boleh dibawa ke luar negeri.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa menurut perundangan insurans syarikat-syarikat insurans adalah dikehendaki melaburkan sekurang-sekurangnya 80% daripada jumlah keseluruhan aset mereka dalam bentuk pelaburan yang dibenarkan di Malaysia yang mana sekurang-kurangnya 24% perlu diadakan dalam bentuk surat-surat jaminan Kerajaan Persekutuan. Sebagaimana pada 30hb September, 1981 aset-aset Malaysia yang dibenarkan dalam syarikat-syarikat insurans adalah sebanyak \$2,547.3 juta atau 93% daripada jumlah aset. Dengan yang demikian bolehlah dibuat kesimpulan bahawa kenyataan tersebut di atas oleh Yang Berhormat adalah tidak benar kerana syarikat-syarikat insurans diwajibkan melabur sebahagian besar daripada aset-aset mereka di Malaysia.
- (b) Kerajaan buat masa ini tidak merancang untuk memperkenalkan perundangan menghalang penyaluran keuntungan ke seberang laut oleh syarikat-syarikat insurans.

**Dato Haji Mohd. Nor Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan sama ada Kerajaan akan

mengadakan satu undang-undang dari soalan (b) tadi, saya suka sedikit menyentuh perkara penyelewengan di dalam perusahaan insurans. Pada masa ini terlampau banyak penyelewengan-penyelewengan yang wujud dalam perusahaan insurans, terutama sekali berkenaan dengan bayaran komisen kepada agen-agen melebihi daripada 22½%; peratus yang dihadkan di bawah undang-undang. Saya ingin juga menyentuh dalam perkara loading premium. Sungguhpun kadar purata yang dikenakan kepada pengguna lebihkurang 25%, pengguna-pengguna dikenakan loading lebih daripada kadar ini hingga ada pengguna-pengguna dikenakan sebanyak 250% atau 300%. Cost penyelewengan ini dibebankan kepada pengguna-pengguna insurans. Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah diambil untuk memberhentikan penyelewengan ini. Kedua, bolehkah Kementerian mengeluarkan penyata-penyata untuk orang awam supaya mereka tidak menjadi mangsa penyelewengan-penyelewengan perusahaan insurans? Terima kasih.

**Dato Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

## PELABURAN BRITAIN

**9. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebanyak mana tanaman modal datang daripada Britain dalam tempoh sembilan bulan hingga bulan September 1981 dan sebanyak mana jumlah kesemuanya dari mula hingga ke September 1981, dan nyatakan jenis-jenis perindustrian di mana penanaman ini ditujukan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan daripada Britain dalam projek-projek yang diluluskan untuk sembilan bulan yang pertama tahun 1981 ialah sebanyak \$58.4 juta. Berbanding dengan jangkamasa yang sama pada tahun 1980, jumlah pelaburan Britain adalah

sebanyak \$23.0 juta sahaja, menunjukkan pelaburan telah meningkat sebanyak 154% untuk tahun 1981. Bagi pelaburan Britain dalam syarikat-syarikat yang telah berpengeluaran seperti pada 31hb Disember, 1979, jumlahnya adalah sebanyak \$431.8 juta. Sebahagian besar pelaburan Britain adalah dalam sektor-sektor perindustrian yang berikut:

Minuman dan Tembakau ..	\$98 juta
Pengilang dan Makanan ..	\$90 ..
Kimia dan Barang-barang Kimia	\$70 ..
Petroleum dan Arang .. ..	\$69 ..
Barang-barang Getah .. ..	\$40 ..

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berbangga dengan penyata-penyata yang diberi oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Berkenaan dengan pelaburan daripada Britain ini, saya ingin tahu baru-baru ini British Broadcasting Corporation sering menyebarkan berita-berita dan ulasan-ulasan yang tidak menyenangkan hati kita rakyat Malaysia pada amnya dan pada khususnya kepada pelabur-pelabur British.

Saya tumpang bertanya dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, adakah tindakan-tindakan Kementerian yang lebih giat lagi dibuat dan dirancang selain daripada risalah-risalah dan penyata-penyata seperti "Crying in the wilderness" yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdagangan Malaysia di London untuk membetulkan iklim pelaburan yang benar di negara kita ini?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar Kementerian saya dari masa ke semasa memberi maklumat mengenai dasar Kerajaan, mengenai pelaburan asing yang ada di Malaysia dan selain daripada rombongan pelaburan yang pada tiap-tiap tahun melawat bandaraya di Britain termasuk juga negara-negara di Eropah dan Amerika Syarikat, Kementerian saya melalui MIDA yang berpejabat di

London ada berhubung dengan persatuan pelabur-pelabur di Britain dan juga mana-mana satu badan yang ada minat untuk menanam modal di Malaysia supaya dasar-dasar Kerajaan dan rancangan-rancangan perindustrian dan juga industri-industri yang mana Kerajaan Malaysia memberi galakan disebar kepada semua yang berkenaan.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat bangkitkan perkara mengenai siaran BBC itu selepas kenyataan yang mana sekarang Kerajaan telah semak semula dasar mengenai peluang-peluang yang diberi kepada syarikat-syarikat Britain menender projek-projek di Malaysia.

**Dato G. Pasamanickam:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan kita Malaysia telah melaburkan modal di Britain dan kalau ada, apakah jenis pelaburan itu. Adakah kita menanam modal di negeri Britain, sebab kita pun ada menerima penanaman modal dari Britain.

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, pelaburan Kerajaankah atau daripada pihak swasta?

**Dato' G. Pasamanickam:** Dari kedua-dua pihak, kalau ada.

**Dato' Lew Sip Hon:** Kalau Kerajaan sepanjang pengetahuan saya tidak ada. Pihak swasta kita tidak ada rekod kerana menanam modal di luar negeri adalah bebas.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa umum berkenaan dengan ini, yakni tanaman modal yang datang daripada Britain dalam tempoh 9 bulan iaitu bulan September, 1981 sebanyak \$58.4 juta berbanding dengan sepanjang tahun 1980 \$23.3 juta dan hingga 31 Disember \$431 juta, seolah-olah pelaburan dalam negeri kita ini hanyut ke Britain semua agak saya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah pelaburan tanaman modal ke Britain ini yang tertinggi sekali daripada semua tanaman pelaburan bangsa-bangsa asing yang menanam modal dalam negeri ini.

Yang kedua, apakah yang sebenarnya dengan penanaman modal Britain ini benar-benar memberi untung dalam masa jangka

pendek negeri ini ataupun dalam masa bertaufan dua negeri ini dalam keadaan yang ada sekarang.

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1981 penanaman modal Britain di-Malaysia ini bukan yang pertama daripada punca-punca negara yang menanam modal di sini. Sebenarnya United Kingdom adalah tempat yang ke 7. Pertama, Jepun, Australia, United States, Singapura, Hongkong, negara-negara Arab dan akhirnya ke 7, United Kingdom.

Bagi soalan apakah faedah daripada jangka panjang dan juga jangka pendek, ini boleh dikatakan daripada semua pelaburan di Malaysia baik United Kingdom atau daripada negara-negara yang lain, tujuan untuk menarik modal dari luar negeri ialah untuk mendapatkan teknologi dan juga saluran pasaran yang terdapat di negara-negara luar, ini ialah faktor yang penting.

Yang ketiga, ialah dengan ini kita boleh mewujudkan pekerjaan bagi penduduk-penduduk di Malaysia ini.

## BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN

**10. Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa biasiswa kecil Persekutuan untuk penuntut-penuntut sekolah Menengah sebanyak \$20 sebulan adalah tidak mencukupi, jika ya, nyatakan sama ada beliau bercadang untuk menambah peruntukan tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan menaikkan kadar Biasiswa Kecil Persekutuan yang ada sekarang iaitu \$20 sebulan kepada \$25 sebulan iaitu kenaikan 25% mulai tahun 1982 iaitu tahun depan.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan menaikkan bayaran Biasiswa Kecil Persekutuan bagi penuntut-penuntut sekolah menengah. Adakah kenaikan itu termasuk kenaikan bayaran kepada perpustakaan, OCAR, sains, hisab dan lain-lain lagi bagi sekolah-sekolah.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kenaikan kadar Biasiswa Kecil Persekutuan.

### PENDATANG HARAM

**11. Puan Ragayah Ariff** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang-pendatang haram yang masih ada di dalam negara kita dan adakah semua pendatang-pendatang haram ini diberi pengawasan yang rapi supaya mereka tidak akan melakukan angkara buruk yang boleh menjejaskan ketenteraman negara.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah saya berikan semasa menjawab soalan Yang Berhormat Dr Gan Kong Seng pada 14-12-1981.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sedikit. Walaupun Yang Berhormat mengatakan sudah dijawab tetapi saya ingin tahu, pada masa Dewan bersidang dahulu perkara ini amat banyak sekali Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan. Dalam soalan saya, saya ingin tahu; pertama, kenapakah masih banyak lagi berada di dalam negara kita pendatang-pendatang haram ini.

Kedua, kenapakah begitu slow sekali tindakan dilakukan.

Ketiga, walaupun kita bertindak melakukannya kita rasa tidak ada apa-apa dilakukan oleh mereka soalan angkara murka, tetapi tidakkah perkara ini membebankan Kerajaan kita.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau pendatang haram itu dimaksudkan ialah kedatangan orang-orang Vietnam, kita memang ada usaha dan langkah yang sedang dibuat bagi membolehkan mereka ini ditempatkan di negara-negara ketiga di mana perbelanjaan urusan mengenai mereka ini adalah dibiayai oleh pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soal pendatang haram ini yang ada kem-kemnya di Malaysia ini umpamanya di Kuala Lumpur di Jalan ke Seremban. Di sini saya ingin bertanya, adakah mereka yang duduk di kem itu dibenarkan keluar pada bila-bila masa ataupun ada sekatan.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Mereka ini adalah tersekat daripada bebas keluar di mana-mana yang mereka suka.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Taraf orang pelarian ini seumpama pelarian dari Vietnam, hingga bilakah mereka ini boleh dinamakan pelarian perang dan setakat manakah masanya dihadkan ataupun selagi mereka itu keluar daripada negerinya maka mereka diterima sebagai pelarian perang dan mereka dibiayai oleh Bangsa-bangsa Bersatu, manakala negara kita masih menempatkan mereka.

Yang keduanya, orang-orang dari negara lain yang sudah lama berhenti perang, seumpama kita tahu Pakistan dan India pada suatu masa dahulu berperang. Jadi, orang-orang daripada negeri ini kalau lari menuju ke Malaysia, adakah boleh disifatkan mereka ini pelarian perang yang juga mesti ditempatkan di tempat-tempat yang disediakan umpamanya di Pulau Bidong.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendatang Vietnam di negara kita ini, saya ingin menyatakan iaitu seperti yang dipersetujui di dalam persidangan Geneva, Malaysia akan bersedia menempatkan pendatang-pendatang Vietnam ini selagi kita mendapat jaminan daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bahawa pendatang-pendatang ini akan mendapat di negara ketiga. Sekiranya kita tidak lagi dapat jaminan seperti itu, bermakna kita terpaksa mengkaji kedudukan yang sedang kita alami pada masa sekarang.

Mengenai soalan yang kedua itu, saya minta ulang sekali lagi kalau Yang Berhormat boleh.

## PELURU UNTUK ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

**12. Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar tentera-tentera kita menggunakan peluru-peluru yang diimport dari luar negeri dan jika benar, sama ada beliau akan mengambil tindakan segera supaya alat-alat seperti ini dibuat atau diproses di dalam negeri untuk menjamin bekalan yang cukup pada masa peperangan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kebanyakan peluru-peluru yang digunakan sekarang oleh Angkatan Tentera Malaysia adalah diimport dari luar negeri. Keperluan Angkatan Tentera Malaysia bagi berjenis-jenis peluru dan bahan letupan adalah besar dan keperluan ini semakin bertambah memandangkan bahawa Angkatan Tentera Malaysia sedang mengikut satu rancangan pembesarannya. Oleh yang demikian, langsung tidak mungkin untuk mengeluarkan kesemua peluru dan bahan letupan ini di Malaysia untuk memenuhi keperluan Angkatan Tentera Malaysia kita.

Kerajaan Malaysia telah memyadari dalam beberapa tahun kebelakangan bahawa adalah kurang sihat sekiranya pembekalan peluru-peluru dan bahan-bahan letupan semata-mata bergantung kepada pembekalan luar negeri. Oleh yang demikian, satu syarikat kerajaan iaitu Syarikat Malaysia Explosives (Sdn.) Berhad atau MALEX telah ditubuhkan dalam tahun 1969. Syarikat ini telah bermula mengeluarkan peluru-peluru dalam tahun 1972 bagi kegunaan senjata kecil (small fire arm) sahaja, misalnya assault rifles dan machine gun. Sehingga tahun 1980 pihak MALEX berkemampuan membekalkan sebahagian daripada keperluan-keperluan Angkatan Tentera Malaysia, khasnya peluru 5.56 mm dan 7.62 mm. Dalam tahun 1981 Syarikat ini telah membesarkan kebolehan pengeluaran "production capability"nya dan oleh itu pengeluaran bagi tahun 1982 dan tahun-tahun hadapan akan bertambah sebanyak seratus peratus. Kerajaan Malaysia telah juga mengkaji kemungkinan untuk mengeluarkan

peluru-peluru yang lain seperti "thunder flashes", "hand grenade", peluru 9 mm dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan yang ada sekarang di syarikat Malaysia Explosives (Sdn.) Bhd. akan dibesarkan dan ditambah lagi untuk mengeluarkan peluru-peluru.

Berkenaan dengan cadangan supaya tindakan segera diambil untuk mengeluarkan semua jenis peluru-peluru di dalam negeri, adalah didapati sukar sekiranya tidak mungkin untuk mengeluarkan kesemua jenis peluru dan bahan letupan dalam negara kita untuk memenuhi keperluan-keperluan Angkatan Tentera kita. Pengeluaran peluru dan bahan letupan memerlukan pengetahuan teknologi yang tinggi, tenaga manusia yang mahir dan juga pembekalan bahan-bahan mentah seperti explosives, besi, copper dan lain-lain yang mana kebanyakannya tidak boleh didapati di negara kita. Oleh yang demikian adalah didapati bahawa lebih berfaedah untuk mengimport peluru-peluru yang diperlukan buat sementara ini hingga negara kita mempunyai kemampuan dalam bidang ini.

**Dato' Sulaiman bin Ninam Shah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mendapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, peluru-peluru kata Timbalan Menteri itu ada sebahagiannya dibuat dalam negeri. Adakah mutu peluru yang dibuat dalam negeri ini setanding sebagaimana peluru yang dibeli dari luar negeri atau rendah mutunya? Saya takuti ini mendatangkan merbahaya kepada askar kita, polis kita, boleh jadi tembak tak meletup dan sebagainya. Jadi saya hendak tahu soalan saya balik, adakah setanding mutu pengeluaran peluru-peluru yang dibuat dalam negeri dengan luar negeri.

**Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, MALEX telah mengeluarkan peluru-peluru yang saya sebutkan tadi 6.56 mm, 7.62 mm dan 9 mm. Saya telah difahamkan bahawa peluru-peluru yang dikeluarkan oleh MALEX adalah memuaskan, bahkan lebih elok daripada peluru-peluru yang dikeluarkan dari negeri asing.

## DOKTOR PAKAR MELETAK JAWATAN

13. **Datuk Ismail bin Hashim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai Pakar-pakar Perubatan di hospital-hospital Kerajaan meletakkan jawatan dan membuka klinik sendiri dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya hospital-hospital Kerajaan sentiasa cukup dengan perkhidmatan pakar-pakarnya.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang perletakan jawatan pakar-pakar untuk membuka klinik-klinik persendirian. Walau bagaimanapun, perletakan jawatan ini tidak menjejaskan perkhidmatan perubatan dan kesihatan keseluruhannya di negara ini. Pada asasnya, kekurangan pakar terdapat dalam bidang-bidang tertentu yang kurang popular seperti kaji penyakit, bius, otopidik dan telinga, hidung dan tekak.

Di hospital-hospital yang kekurangan pakar-pakar tersebut, aturan disediakan bagi membolehkan pakar-pakar dari hospital yang berhampiran untuk menjalankan tugas-tugas liputan sebagai langkah jangka pendek. Kementerian juga menawarkan biasiswa kepada doktor-doktor yang berkelayakan untuk memperolehi kelayakan kepakaran terutamanya dalam bidang-bidang yang kurang popular itu. Di samping itu, doktor-doktor jua diambil dari luar negeri. Baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan 18 permohonan dari doktor-doktor asing yang berkelulusan dalam bidang-bidang tertentu untuk diambil berkhidmat dengan Kementerian.

Selain dari itu Kementerian Kesihatan sentiasa berunding dengan universiti-universiti dan Persatuan-persatuan Perubatan tempatan tentang kursus ijazah lanjutan supaya dalam jangkamasa panjang lebih ramai doktor-doktor boleh dilatih sebagai pakar-pakar untuk perkhidmatan di sini.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh atau tidak Kementerian Kesihatan berunding dengan pakar-pakar doktor ini supaya jangan tinggalkan jawatan penting ini?

Kedua, bolehkah tidak Kerajaan mengatasi pendapatan-pendapatan yang lumayan untuk mereka supaya mereka jangan keluar membuka klinik lain?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkhidmatan dalam Kerajaan ialah satu perkhidmatan bebas dan bukan diwajibkan. Walau bagaimanapun, doktor-doktor yang mula mendaftarkan diri diwajibkan untuk berkhidmat selama 3 tahun, selepas itu mereka adalah bebas untuk berkhidmat kekal dalam perkhidmatan Kerajaan ataupun membuka klinik mereka sendiri. Apa yang Kementerian Kesihatan sudah buat iaitu supaya memperbaiki prospek kenaikan pangkat mereka dan supaya menawarkan lebih biasiswa supaya doktor-doktor yang muda yang berminat bolehlah dapat ijazah lanjutan dalam negeri ataupun di luar negeri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa banyak pakar-pakar perubatan dalam Kementerian kita pada hari ini.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyak pakar-pakar daripada negeri asing yang telah kita pinjam atau kita biayai mereka dalam negeri ini sekarang.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak ada angka-angka yang tepat di sini, tetapi jawatan pakar-pakar dalam perkhidmatan Kerajaan ialah 250 lebih kurang. Pakar-pakar yang datang dari negeri asing tidak berlebihan dari satu golongan yang kecil sahaja, tetapi angka-angka yang tepat saya hantar kepada Ahli Yang Berhormat.

## LESEN TEKSI/KERETA SEWA

14. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian mempunyai polisi tertentu dalam memberikan sesuatu lesen kereta teksi kepada pemohon-pemohon yang kehidupannya benar-benar bergantung kepada memandu teksi; dan

(b) sama ada beliau dapat memberikan keutamaan kepada mereka yang mempunyai lebih 10 tahun pengalaman dan kemungkinan menetapkan tempoh 5 tahun pengalaman sebagai syarat minima yang melayakkan seseorang itu untuk diberikan lesen teksi.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, di antara kriteria yang digunakan bagi menimbangkan permohonan-permohonan permit teksi/kereta sewa ialah mengenai latar belakang pemohon itu sendiri. Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang sememangnya bergantung hidup sebagai pemandu teksi. Keutamaan juga diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai lesen Perkhidmatan Awam (PSV) dan berpengalaman yang agak lama, biasanya melebihi 10 tahun. Dengan penentuan keutamaan ini, bererti peluang seseorang yang mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun diberikan lesen adalah tipis, kecuali jika ianya dari golongan-golongan tertentu seperti bekas-bekas tentera. Untuk makluman Dewan yang mulia ini setakat Oktober 1981, 19,828 permit-permit teksi telah dikeluarkan. Dalam tahun 1980 sahaja 9,187 permohonan telah diterima dan 3,729 telah diluluskan, termasuk rayuan-rayuan. Bagi 1981, setakat Oktober, 6,763 permohonan telah diterima dan 2,424 telah diluluskan.

### INTEGRASI SOSIAL—KEJAYAAN

**15. Dato' Yap Peng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan kadar pertumbuhan sosial integrasi negeri ini dan sama ada keutamaan akan diberi kepada perkara ini supaya masyarakat berbilang bangsa dalam negeri akan hidup berdisiplin dan berharmoni sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan sama ada beliau akan mengisi jawatan Pengerusi Perpaduan Negara yang sudah lama dikosongkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam usahanya untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang keturunan, Kerajaan telah dan sedang mengadakan beberapa aktiviti yang

bercorak muhibbah terutamanya aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat umum. Jadi sudah sewajarnya salah satu daripada matlamat aktiviti-aktiviti yang diberi keutamaan ialah untuk mencapai integrasi kemasyarakatan dari berbilang keturunan melalui interaksi dan pergaulan tersebut. Usaha untuk mencapai integrasi rakyat dan perpaduan negara meliputi seluruh aspek hidup kesemua lapisan masyarakat tanpa mengira ugama dan keturunan. Usaha ini adalah suatu yang berterusan dan mengambil masa yang panjang yang mana tarikh matlamat perpaduan itu ataupun kadar pertumbuhan integrasi itu tidaklah dapat diukur seperti mana yang dibuat pada rancangan-rancangan pembangunan yang lain. Namun demikian, saya telah berpuashati dengan kesan serta kemajuan dari aktiviti-aktiviti yang bercorak muhibbah ini.

Mengenai jawatan Pengerusi Perpaduan Negara, saya rasa apa yang Ahli Yang Berhormat maksudkan ialah Pengerusi Kerja Perpaduan Negara. Oleh kerana agensi ini telah pun bertukar seterusnya dari Lembaga Perpaduan Negara kepada suatu Jabatan yang kini Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, maka soal Pengerusi Kerja tidak lagi timbul kerana Ketua Eksekutif bagi jabatan ini ialah Ketua Pengarah Jabatan dan Pengerusi kepada Panel Penasihat Perpaduan sudah pun dilantik pada 1 Oktober yang lalu.

### TEKNOLOGI—PEMINDAHAN KEMAHIRAN

**16. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan Pelabur-pelabur Jepun di Negara ini yang telah dan akan memindahkan kemahiran teknologi kepada Warganegara Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemindahan teknologi adalah suatu proses yang berterusan dan akan memakan masa yang agak lama dan tidak boleh dicapai dengan serta merta. Isu pemindahan teknologi adalah berkait secara langsung dengan isu pelaburan asing, dan

dalam hal ini boleh dikatakan bahawa pihak Syarikat Jepun memainkan peranan yang penting dan sangat menggalakkan.

Peranan Negara Jepun dalam proses pemindahan kemahiran teknologi kepada negara ini dan pencapaiannya secara kasar boleh dilihat dan dianalisa dari segi jumlah perjanjian-perjanjian teknikal bagi pemindahan teknologi yang dibuat di antara pelabur-pelabur Jepun dengan pengusahapengusaha tempatan. Perjanjian-perjanjian teknikal ini merupakan asas bagi pemindahan teknologi perindustrian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1970 hingga 1980, Jepun telah menandatangani sebanyak 205 perjanjian teknikal dengan syarikat-syarikat tempatan untuk tujuan pemindahan teknologi. Ini meliputi perjanjian-perjanjian teknikal dan pengetahuan, pengurusan, pelesenan, kejuruteraan, cap dagangan dan sebagainya. Jumlah ini merupakan 32.3% dari jumlah keseluruhan perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat asing (iaitu jumlah 635).

#### IKAN—PENGHASILAN NEGARA

17. **Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah penghasilan ikan dalam negara ini dan memberikan bandingan bekalan dan penggunaan rakyat jelata kita, dan jika ada satu kekurangan, menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil atau akan diambil supaya menjamin kecukupan sendiri.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendaratan ikan dalam Malaysia pada tahun 1980 ialah seperti berikut:

Ikan Laut	..	735,468	metrik tan
Ikan Airtawar	..	8,211	„ „

Daripada jumlah ikan laut ini, 159,426 metrik tan ialah ikan baja dan lain-lain bahan laut yang tidak boleh dimakan oleh manusia.

Anggaran jumlah yang ada untuk bekalan kepada rakyat yang boleh dimakan ialah 584,253 metrik tan pada tahun 1980.

Jumlah yang perlu pada tahun 1980 bagi penggunaan rakyat adalah dianggarkan sebanyak 608,866 metrik tan. Selain daripada import langkah-langkah sedang diambil untuk mengatur kekurangan dalam bekalan ikan dengan menjaga sumber-sumber perikanan di laut di samping menggalakkan perusahaan penangkapan ikan di laut dalam. Kerajaan juga memberi perhatian yang berat di dalam meluaskan lagi perusahaan penternakan ikan air tawar dan ikan air payau. Rancangan-rancangan ini akan lebih ditekankan lagi di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawap Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 18 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)*

#### PANCARAGAM SEKOLAH— PENYALAHGUNAAN ANGGOTA

18. **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam penyalahgunaan anggota-anggota dan pancaragam sekolah bagi mengiringi perarakan dan upacara kematian.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Pancaragam sekolah sebagai satu saluran aktiviti Ko-Kurikular mempunyai matlamat tertentu iaitu menggalakkan perkembangan bakat murid-murid dalam bidang muzik di samping matlamat jangkapanjang untuk mewujudkan satu masyarakat yang progresif, berdisiplin, bertanggungjawab dan bersatupadu.

Berhubung dengan penyalahgunaan anggota-anggota dan pancaragam sekolah, tindakan sewajarnya akan diambil untuk menentukan kegiatan pancaragam sekolah tidak menyeleweng dari objektif asalnya.

## RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG

**19. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah kampung dan jumlah rumah yang terlibat dalam rancangan pemuliharaan kampung sejak Rancangan Pemuliharaan Kampung dilancarkan; dan
- (b) sama ada bantuan yang diberikan kepada orang-orang tua yang tidak berupaya hanya terhad kepada maksima \$1,000 sahaja untuk membaiki pondok-pondok mereka yang sudah buruk dan nyatakan juga pihak yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja membaiki atau mendirikan rumah usang itu.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid):**

- (a) sejak Rancangan Pemuliharaan Kampung (RPK) ini dilaksanakan pada pertengahan tahun 1979, adalah di anggarkan sejumlah 2,500 buah kampung adalah terlibat dan di dalam berbagai peringkat pemuliharaan. Dari segi bilangan rumah pula, adalah dianggarkan sejumlah 25,000 buah telah dilibatkan dan diberi bantuan pemuliharaan. Bilangan kampung dan rumah yang sebenar-benarnya telah dipulihkan sedang dikumpulkan pada masa ini dan angka-angka ini hanyalah anggaran sahaja memandangkan RPK ini adalah satu program yang sedang dilaksanakan.
- (b) Adalah benar bantuan pemuliharaan rumah pada masa ini terhad \$1000.00 sebuah. Walau bagaimanapun, Pegawai Daerah yang bertanggungjawab melaksanakan rancangan ini di peringkat daerah, mengikut budi bicaranya boleh mengaturkan kerja gotong-royong melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung untuk membaiki rumah orang tua yang tidak berupaya. Mereka yang mengambil bahagian dalam kerja gotong-royong ini diberi saguhati \$8.00 sehari seorang.

## RUMAH MURAH—PEMBINAAN

**20. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan unit rumah murah yang telah didirikan dalam Rancangan Malaysia Ketiga oleh pihak-pihak swasta dan juga Kerajaan dan bilangan rumah yang diperuntukkan kepada rakyat keturunan India semasa itu; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi pendirian rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat dan apakah rancangan bagi rakyat keturunan India mendapat memiliki lebih banyak rumah lagi.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan rumah awam kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga berjumlah 26,070 unit atau 36% daripada jumlah sasarannya sebanyak 73,506 unit. Daripada jumlah yang disiapkan itu, sebanyak 2,051 unit atau 8.63% telah di berikan kepada rakyat keturunan India. Anggaran rumah murah yang didirikan oleh pemaju-pemaju swasta ialah sebanyak 38,212 unit atau 13.4% daripada jumlah keseluruhan sebanyak 285,178 unit.
- (b) Mengenai soalan kedua Yang Berhormat itu, Kementerian saya akan meningkatkan lagi pembinaan rumah awam kos rendah, untuk menampung keperluan perumahan di kalangan rakyat berpendapatan rendah. Adalah dianggarkan sasaran sebanyak 176,500 unit rumah awam kos rendah akan didirikan, yang mana jumlah ini adalah termasuk projek sambungan sebanyak 54,490 unit. Sasaran pembinaan ini merupakan pertambahan sebanyak 41.7% daripada pembinaan rumah kos rendah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pemaju swasta pula dijangka akan membina sebanyak 90,000 unit rumah kos rendah. Kesemuanya

sejumlah 266,500 unit rumah kos rendah akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencapai sasaran pembinaan itu ialah dengan menubuhkan Jawatankuasa Perhubungan Negeri, menggalakkan pembinaan secara prefabrication dengan menggunakan sistem "negotiated tender" dan "turnkey", penubuhan tabung wang amanah di setiap negeri untuk membiayai kos pengambilan tanah, kos infrastruktur dan kerja-kerja awalan. Pihak Kerajaan juga akan melaksanakan konsep perumahan awam secara kondominium di bandar-bandar besar.

Mengenai pemilikan rumah di kalangan rakyat keturunan India, pihak Kerajaan tidak menetapkan kadar tertentu bagi sesuatu kaum. Walau bagaimanapun, pembahagian adalah berdasar bilangan kaum di kawasan projek perumahan awam kos rendah. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memilih penghuni seperti berikut:

- (a) Pendapatan keluarga pemohon tidak melebihi \$750.00 sebulan.
- (b) Keluarga tersebut perlu menetap di kawasan tersebut dan belum mempunyai rumah atau tanah.
- (c) Pekerjaan pemohon.
- (d) Keadaan dan bilangan dalam keluarga pemohon.
- (e) Keupayaan pemohon untuk membayar semula.
- (f) Keutamaan diberi kepada mereka dalam lingkungan umur 30-47 tahun.
- (g) Keutamaan kepada bekas pasukan keselamatan.
- (h) Keperluan menyusun semula masyarakat.

#### **BUMIPUTRA DALAM URUSAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA**

**21. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan perniagaan Bumiputra mencapai quota 30% di dalam urusan perdagangan antarabangsa menjelang tahun 1990.

**Dato Lew Sip Hon:** Memang menjadi hasrat Kerajaan menggalakkan lebih ramai bumiputra mengambil bahagian dalam bidang perdagangan dan perindustrian terutamanya dari segi ekuti, pekerjaan, pengedaran dan perkhidmatan supaya menjelang tahun 1990 Bumiputra akan mencapai sekurang-kurangnya 30% dari kegiatan-kegiatan perdagangan dan perindustrian negara ini. Objektif ini adalah objektif secara menyeluruh yang merangkumi semua aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian. Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat berkenaan tidak tersilap faham di atas dasar tersebut apabila beliau membangkitkan soal "quota 30%" penyertaan bumiputera di dalam urusan perniagaan antarabangsa kerana pembahagian quota tersebut tidak wujud.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam urusan niaga antarabangsa terdapat banyak faktor-faktor yang harus diambil kira oleh seorang pengeksport bagi menjamin kejayaannya dalam bidang ini. Faktor-faktor yang saya maksudkan adalah faktor-faktor harga, persaingan, mutu, cita-rasa, syarat-syarat pembayaran, pengangkutan dan tidak kurang pentingnya adalah faktor inisiatif pengeksport itu sendiri. Jatuh bangunnya seseorang pengeksport adalah bergantung kepada keupayaannya untuk memenuhi syarat-syarat serta kehendak-kehendak faktor-faktor yang saya sebutkan tadi. Tidak ada pengecualian dalam hal ini dan peniaga bumiputera haruslah bersedia menerima cabaran-cabaran tersebut. Namun demikian, tidaklah pula bermakna Kementerian saya akan hanya berserah kepada takdir sahaja. Langkah-langkah galakan telah diambil bagi memastikan bahawa bumiputera tidak ketinggalan di bidang ini.

Pada tiap-tiap tahun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengaturkan program-program rombongan perdagangan dan pameran perdagangan bertujuan untuk memperkenalkan barang-barang buatan

Malaysia serta memberi peluang kepada para pengeksport mengenali dengan lebih dekat pasaran-pasaran yang terdapat di luar negeri. Di dalam program-program ini pengeksport bumiputra adalah dipelawa turut serta jika perlu beberapa kelonggaran syarat-syarat tertentu diberikan bagi memudahkan penyertaan bumiputra. Di samping itu juga, Kementerian saya memberikan khidmat nasihat percuma kepada para pengeksport, baik mengenai perkara-perkara asas selok-belok perdagangan antarabangsa mahupun mengenai peluang-peluang pasaran di luar negeri bagi barang-barang yang khusus. Dari masa ke semasa Kementerian saya melalui MEXPO menganjurkan seminar-seminar dan kursus-kursus khusus mengenai perdagangan eksport.

Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri juga telahpun diarahkan memberikan perhatian berat dan memberi bantuan kepada usaha-usaha para pengeksport bumiputra yang ingin menceburi pasaran-pasaran di bawah jagaan mereka. Semua pertanyaan-pertanyaan perdagangan yang diterima dari pengimport-pengimport di luar negeri yang diterima oleh Pejabat-pejabat Perdagangan dan Kementerian adalah disalurkan terus kepada pembekal-pembekal dan Dewan-dewan perniagaan termasuk Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Pengeksport-pengeksport Melayu Malaysia.

Ingin saya mengingatkan para peniaga bumiputra yang menceburkan diri di lapangan eksport supaya berhati-hati apabila menerima pesanan dari luar negeri kerana risiko perdagangan eksport adalah tinggi. Saya juga ingin mengingatkan supaya mereka menjalankan perniagaan secara jujur dan teratur. Sebarang pertelingkahan yang timbul bukan sahaja akan menjejaskan imej pengeksport tetapi juga melibatkan negara keseluruhannya dan ini sudah tentu membantutkan usaha-usaha Kerajaan memperluas dan pembelbagaikan pasaran eksport kita.

#### **PEGAWAI JABATAN KOPERASI KE LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

**22. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa

kira-kira 30 orang pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang sekarang yang telah berpisah dari Jabatan Kemajuan Kerjasama sebagai ekoran dari penubuhan LPP mendapati diri mereka jauh ketinggalan di belakang dari segi gaji dan pangkat jika dibandingkan dengan bekas teman sejawatnya di jabatan asal. Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil bagi membetulkan keadaan ini.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Saya sedar mengenai kedudukan 30 orang pegawai-pegawai LPP yang telah diserapkan dari Jabatan Koperasi ke LPP telah ketinggalan dari segi pangkat dan gaji jika dibandingkan dengan rakan sejawat mereka di jabatan asal.

Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana ianya tertakluk kepada peraturan Perkhidmatan Kerajaan. Di dalam mengatasi masalah ini pihak pengurusan LPP senantiasa memberi peluang kemajuan perkhidmatan kepada mereka dengan melonggarkan syarat untuk ke jawatan Kumpulan A. Setakat ini 3 orang daripada mereka telah berjaya dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Khidmat Peladang berikutan dari kelonggaran syarat tersebut. Di samping itu peluang-peluang kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Khidmat Peladang Tingkatan Kanan (B 03) dan Penolong Pegawai Khidmat Peladang Tingkatan Tertinggi (B 01) pada setiap tahun juga terbuka kepada mereka. Setakat ini 10 orang daripada mereka telahpun dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Khidmat Peladang Kanan (B 03) dan 4 orang ke jawatan Penolong Pegawai Khidmat Peladang Tingkatan Tertinggi (B 1).

#### **PESALAH DIBUANG DAERAH/NEGERI**

**23. Datuk Ismail bin Hashim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah pesalah-pesalah yang telah dibuang Daerah/Negeri dari bulan Januari, 1980 hingga sekarang.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam):** Bilangan pesalah-pesalah yang telah dikeluarkan Perintah Sekatan atau biasanya disebut dibuang daerah atau dibuang negeri di bawah Undang-undang

Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 5/69, Ordinan Mencegah Jenayah 13/59 dan Enakmen Kediaman Terhad Bab 39, dari bulan Januari, 1980 hingga bulan Oktober, 1981 ialah seramai 381 orang.

#### MATAPELAJARAN JAWI DI SEKOLAH RENDAH

**24. Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa kelemahan murid-murid di sekolah rendah dalam matapelajaran jawi adalah disebabkan:

- (a) guru yang kurang terlatih;
- (b) tidak cukup masa yang diperuntukkan;
- (c) buku pelajaran agama Islam ditulis dalam huruf rumi; dan
- (d) kurang bahan bacaan dalam tulisan jawi; jika benar nyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi kelemahan pelajaran ini.

#### **Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:**

- (a) Pada masa ini tiap-tiap sekolah rendah ada guru-guru yang terlatih untuk mengajar pelajaran jawi.
- (b) Untuk menanamkan kemahiran asas membaca, mengeja dan menulis jawi peruntukan sebanyak 2 waktu seminggu adalah mencukupi. Setelah murid-murid mencapai kemahiran asas yang perlu dilakukan ialah memperkukuhkan kemahiran-kemahiran itu.
- (c) Pada masa ini semua buku-buku teks agama di sekolah rendah diterbitkan dalam tulisan jawi.
- (d) Jika sekadar untuk membolehkan murid-murid memperkukuhkan kemahiran jawi bahan-bahan bacaan dalam tulisan jawi tidaklah berkurangan.

Amatlah sukar bagi Kementerian Pelajaran menentukan sama ada semua murid-murid di sekolah rendah lemah dalam mata pelajaran jawi. Walau bagaimanapun,

Kementerian Pelajaran akan menentukan supaya murid-murid sekolah rendah mahir membaca dan menulis jawi.

#### AYAM—PENYELUDUPAN DARI KELANTAN

**25. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pihaknya sedar terhadap penyeludupan ayam dari Thailand ke Kelantan secara besar-besaran menyebabkan mata pencarian para penternak ayam di Kelantan sekarang sangat terancam. Jika sedar, apakah tindakan yang beliau akan ambil.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Kerajaan adalah sedar terhadap penyeludupan ayam dari Thailand ke Kelantan dan ini telah menyebabkan pengancam mata pencarian penternak-penternak ayam tempatan.

Bagi mengatasi keadaan ini Kerajaan telah mengambil tindakan dengan mengadakan pemeriksaan mengejut dan kawalan di kawasan-kawasan yang tertentu di daerah-daerah Pasir Mas, Tanah Merah dan Kota Bharu.

Kerajaan akan terus mempergiat dan menggalakkan perusahaan ternakan ayam di kalangan penternak-penternak kecil di Kelantan menerusi rancangan-rancangan subsidi yang sedang diselenggarakan.

#### RANG UNDANG-UNDANG WAKTU STANDARD MALAYSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.06 ptg.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Akta Waktu Standard Malaysia 1981 dibacakan kali yang kedua.

Rang Undang-undang Akta ini adalah bertujuan untuk menyeragamkan waktu rasmi bagi seluruh Malaysia mulai 1 Januari 1982 ini.

Pada masa ini Malaysia mengikuti dua waktu rasmi yang berbeza sebanyak setengah jam. Semenanjung menentukan waktu rasminya 7½ jam ke hadapan Greenwich

Mean Time atau GMT sementara Sabah dan Sarawak pula menentukan waktu rasminya 8 jam kehadapan GMT. Kedudukan seperti ini bukan sahaja tidak kemas tetapi juga mengekalkan terus perbezaan-perbezaan yang wujud di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Dengan kerana itu cadangan untuk menyeragamkan waktu rasmi bagi seluruh negara ini adalah merupakan satu daripada langkah-langkah untuk mengikis perbezaan-perbezaan itu, sementara dapat mengeratkan perhubungan dan memperkukuhkan lagi ikatan kesatuan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Waktu rasmi Sabah dan Sarawak sekarang ini iaitu 8 jam kehadapan GMT adalah dipilih sebagai waktu rasmi bagi seluruh negara. Ini bermakna pada jam 11,30 malam 31 Disember 1981, waktu Semenanjung akan diubah  $\frac{1}{2}$  jam kehadapan menjadikannya serentak dengan pukul 12.00 tengah malam mengikut waktu Sabah dan Sarawak sekarang ini. Waktu ini akan menjadi waktu rasmi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, waktu rasmi Malaysia telah dipilih mengikut waktu rasmi Sabah dan Sarawak sekarang kerana waktu ini didapati yang paling sesuai dari segi penjimatan ke atas waktu siang atau "daylight saving" serta gangguan yang minima ke atas keselesaan dan kebiasaan kehidupan rakyat Malaysia pada keseluruhannya.

Sungguhpun mengikut waktu ini Semenanjung perlu mempercepatkan waktunya sebanyak  $\frac{1}{2}$  jam, tetapi perubahan ini akan dirasai pada permulaannya sahaja. Adalah dijangka penyesuaian dan pembiasaan kepada waktu ini tidak akan mengambil masa yang lama atau menimbulkan masalah-masalah besar. Waktu-waktu bagi beberapa aktiviti negara seperti waktu pejabat dan waktu sekolah akan diatursuaikan kepada waktu rasmi ini jika perlu.

Waktu rasmi Semenanjung sekarang ini telah juga ditimbang tetapi didapati tidak sesuai. Ini kerana walaupun Semenanjung tidak perlu mengubah waktu, tetapi bagi Sabah dan Sarawak pula, akan mengalami kerugian waktu siang di sebelah petang.

Tambahan lagi dengan memilih waktu ini seluruh Malaysia akan terkeluar dari sistem zon waktu antarabangsa yang berdasarkan prinsip perbezaan waktu seluruh jam di antara satu zon waktu dengan zon waktu berikutnya.

Perkara mengenai waktu standard di Malaysia ada diperuntukkan dalam empat perundangan yang berlainan sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang Akta Waktu Standard Malaysia 1981 ini bertujuan memansuhkan seksyen-seksyen yang berkenaan di dalam keempat-empat perundangan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai waktu standard di seluruh Malaysia, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid bin Tahir.

4.10 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut berucap sepatah dua dalam menyokong Rang Undang-undang Waktu Standard Malaysia yang baru sahaja dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio sebentar tadi.

Kepada Kerajaan dan khusus pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir, saya di Dewan yang mulia ini mengambil peluang mengucapkan tahniah dan ucapan syabas atas keberanian mengemuka dan membuatkan sesuatu perubahan realistik yang mana akan membawa besar ertinya kepada rakyat negeri ini, negeri yang dipimpin oleh beliau bahkan dunia luar juga akan merasa sesuatu perubahan ketika di bawah pimpinan beliau itu.

Saya fikir tidak payahlah Dewan ini memuja-muja pemimpin kita itu, kita bolehlah berdoa ke hadrat Allah semoga beliau diberi kesihatan yang penuh, di samping itu bolehlah kita ucapkan kepadanya selamat menyambut hari ulang jadinya yang ke 57 pada tanggal 20hb Disember ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya tidak berapa bulan sahaja beliau bersama Timbalannya memegang teraju pemerintah negara kita ini sudah ternyata keupayaan mereka berdua bersama dengan bapa-bapa Menteri yang lain membuat perubahan realistik dan pada tahun hadapan pula hendak diubah dua perubahan, saya ulangkan dua perubahan yang dapat kita lihat dan saksi buat sementara waktu ini. Dua perubahan yang saya maksudkan itu ialah satu daripadanya berkaitan dengan penghapusan British System, suatu sistem yang telah kita pakai turun-menurun, satu sistem yang telah kita terima daripada penjajahan British sejak bukan sahaja kita dalam bangku sekolah, bapa kita mungkin, tok nenek kita juga mungkin dalam sekolah di waktu itu, iaitu berkaitan dengan ukur panjang-lebar, jauh dekat, timbang sukat dan sebagainya. Sistem itu akan ditukar kepada sistem yang dipanggil metrik sistem, kita akan menggunakan milimeter, kilo dan sebagainya. Dengan ini bolehlah kita mengucapkan selamat tinggal kepadamu wahai British System.

Satu perubahan lagi yang ada di hadapan kita ini ialah penukaran atau perubahan masa bermula dari jam 11.30 malam tanggal 31hb Disember, 1981 kepada jam atau waktu 12.00 tengahmalam yang menjadikan waktu itu sebagai permulaan menyambut tahun baru Januari, 1982 bersama-sama dengan rakyat yang taatsetia, rakyat yang ikhlas dan jujur yang tinggal berjauhan dipisahkan oleh lautan China iaitu saudara-saudara kita dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini 18hb Disember, 1981 dan juga tahun 1982 sudah hampir menjelang tiba dan itulah tahun yang saya fikir mencatatkan sejarah Malaysia yang baru, yang makmur kerana sejak kita merdeka bahkan sejak di zaman penjajah dahulu lagi negara kita yang terletak di atas garisan lintang 1 hingga 7 degree ke utara

khatulistiwa dan garisan bujur di antara 100 degree hingga 119 degree hala ke timur belum pernah ada satu pemikiran pun memikirkan tentang masalah-masalah masa dan waktu seumpama ini, melainkan sekali sahaja, kalau tidak salah ingatan saya iaitu dalam tahun 1945 bilamana Jepun menduduki negara bertuah kita ini, Jepun mengubah waktu mengikut selernya, mengikut stylenya sendiri tanpa bertanya dan tanpa runding apa-apa, dia mahu jam di Tokyo sama sahaja dengan waktu di Malaya ataupun di Malaysia kita; waktu itu kita ikut, tidak ada banyak cakap lagi. Perubahan kadar hidup, kadar 3 tahun 8 bulan sahaja kemudian bila penjajah masuk bertapak semula ke negara bertuah kita ini, dia serta-merta menggunakan masa jarak jauh yang dikira daripada Greenwich ataupun di London sana.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua perubahan yang saya sebutkan tadi iaitu perubahan sistem metrik dan masa waktu tentulah akan diterima dan disambut baik oleh kita semua, oleh negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Filipina yang saya ketahui adalah sama dan serupa sahaja dengan waktu yang kita akan gantikan itu. Begitu juga dalam siaran radio tengahari tadi disebut bahawa Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew juga bersetuju di atas perubahan masa sepertimana yang telah dibincangkan dengan Perdana Menteri kita semalam. Saya fikir dunia perniagaan pasti akan menyambut baik keputusan kita ini, khasnya negara-negara membangun seperti Jepun, Australia termasuklah negara-negara di kawasan Timur Jauh dan Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, penghapusan British System kepada Metric System sudah tidak ada masalah sebenarnya, sudah tidak ada masalah apa-apa sebab masa cadangannya telah diutarakan kepada rakyat sudah begitu lama hampir 2 tahun untuk rakyat membiasai dengan Sistem Metrik ini. Tetapi perubahan waktu standard Semenanjung ini mungkin ganjil sedikit. Ganjil dari segi kemasukan Rang Undang-undang dan bacaannya ke Dewan Negara kita hari ini. Saya sebutkan ganjil, inipun boleh menjadi sejarah baru, sejarah yang tidak pernah berlaku dalam Parlimen kita sepanjang yang saya ketahui sejak Parlimen ditubuhkan.

Pada ingatan saya, mengikut kebiasaan Dewan Rakyatlah yang akan menerima dan menelitinya lebih dahulu daripada rang yang akan digubalkan, kemudian barulah dibawa masuk ke Dewan Pertuanan atau Dewan Negara. Sebaliknya, hari ini Tuan Yang di-Pertua, Dewan Pertuanan atau Dewan Negara ini telah didahului daripada Dewan Rakyat dan inilah yang saya maksudkan satu sejarah baru. Cerdik pandai dan politik, cerdik pandai dalam undang-undang harus tidak boleh komen apa-apa atau ambil apa-apa tindakan terhadap pemimpin kita itu, tindakan yang dibuat oleh pemimpin kita itu kerana saya percaya perbuatan dan amalannya masih terpelihara dan dikawal di bawah undang-undang. Itulah kebijakannya 2M dan kita patut mengucapkan syabas kepada pimpinan mereka berdua.

Berbalik kepada perubahan waktu, dalam masa yang dilaksanakan tidak berapa hari lagi tentulah akan mengakibatkan perubahan segala program, segala catatan, segala surat-surat jemputan, masa tayangan gambar di pawagam, program permainan, penerbangan MAS dan lain-lain, keretapi, sekolah-sekolah, pejabat-pejabat, pengawal mesin cetak, pengawal landasan keretapi supaya terlepas daripada merbahaya itu dan ini, dan segala program masa yang telah dibuat oleh mereka untuk kegunaan dalam negeri dan juga luar negeri.

Kita rakyat yang taat setia dan berpeluang duduk di dalam Dewan ini wajiblah menerima dan memainkan peranan kita dalam menghasilkan maksud perubahan ini dan janganlah hendaknya berpura-pura menimbulkan sesuatu yang boleh mengelirukan fikiran rakyat khususnya orang-orang desa, anak-anak desa yang tinggal di kampung-kampung yang kurang mahir dengan sistem dan waktu perubahan ini. Saya fikir mulai dari sekarang juga, Jabatan Penerangan, Radio dan Televisyen perlu memainkan peranannya untuk mengindoktrinasi fikiran dan fahaman rakyat supaya ianya tidak lagi ditinggalkan oleh zaman.

Memandang dari sudut keugamaan, saya berpendapat ianya tidak akan menimbulkan sebarang masalah. Hanya takwim-takwim yang telah dicetak dan dikeluarkan oleh

pihak-pihak tertentu, pihak-pihak yang berwajib seperti dari Jabatan Perdana Menteri sendiri baru-baru ini terpaksa diusahsuaikan dengan masa-masa perubahan itu kadar setengah jam didahulukan. Orang-orang yang sudah biasa bangun pagi beribadah jam 5.00 sekarang ini, bila datang awal tahun 1982 nanti dia tidak terpengaruh bila terkejut jaga melihat jam dindingnya atau jam mangkuknya waktu itu menunjukkan baru pukul 4.30 dan lantas itu dia tidur semula. Pada ketika itu sudah tentu ia akan terperangkap dan pastilah akan lewat ia menunaikan ibadah dan datang ke pejabat seperti biasa.

Dengan perubahan ini saya yakin Persidangan Parlimen di hari-hari Jumaat pada tahun 1982 dan tahun-tahun berturut akan bermula jam 2.30 petang jua seperti yang saya huraikan kelmarin. Manakala di hari lain kita akan bermula pada jam 2.00 petang. Saya fikir tidak banyak perkara yang hendak dibincangkan sekadar satu syor, bukanlah sesudah saya menolak British System, saya hendak pinjam balik rupa bentuk yang dibuat oleh British, tetapi selalu kita dengar bila jam 12.00 berbunyi BBC dari London; dengan izin, This is BBC London—"Tong, Tong..." pukul 12.00, berbunyi 12 kali dapat kedengaran di radio yang selalu dipancarkan oleh BBC.

Saya rasa sudah sampai juga masa ini Radio dan Television menggunakan suara Big Ben yang patut kita panggil di sini untuk didengarkan waktu tengahari, bukan sahaja BBC boleh buat demikian, kitapun boleh. Tetapi sudah jadi sebaliknya suara yang pernah kita dengar di suatu masa dahulu, Radio dan Televisyen Malaysia menayangkan bila jam bergerak sampai 12.00 atau seumpamanya langsung tidak berbunyi, membisu seribu bahasa. Seeloknya dengan penukaran masa ini radio dan TV cuba menunjukkan satu perubahan supaya dunia dapat dengar bahawa inilah RTM dari Kuala Lumpur.

Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed.

4.31 ptg.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Waktu Standard Malaysia yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang jauh pandangannya dan dengan tidak menghiraukan apa-apa sungutan ataupun cacian dan sebagainya tetapi berdasarkan berani kerana benar, takut kerana salah maka perkara waktu ini apakala telah difikirkan dengan semasak masakanya beliau telah memikir tidak ada gunanya Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak begitu besar, sebuah negara yang sederhana sahaja besarnya memunyai dua waktu standard, satu bagi Semenanjung Malaysia; satu lagi bagi Sabah dan Sarawak. Lainlah kalau negara kita begitu besar seumpama Amerika, Russia, China dan sebagainya atau sekurang-kurangnya seumpama Indonesia yang mempunyai kawasan yang begitu luas sekali diantara timur dan barat. Jadi, sebab itulah saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri kita, sekali lagi keberanian Perdana Menteri kita dengan sebab pandangannya yang difikirkan pandangan yang betul benar maka dia berani mengisytiharkan perubahan waktu ini walaupun Rang Undang-undang Waktu Standard Malaysia belum lagi dibahas di dalam kedua-dua Dewan kerana dia yakin bahawa sesungguhnya cadangannya itu akan menerima dan akan diterima oleh kedua-dua Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya di dalam masalah waktu bukan sahaja di dalam Malaysia ini mengandungi dua waktu standard seperti sekarang ini iaitu di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak, tetapi di Semenanjung sendiri ada orang memakaikan dua waktu sekarang; iaitu pertamanya waktu standard sebagaimana yang dianjurkan oleh Kerajaan, satu lagi ialah waktu sembahyang. Banyak di antara orang-orang Islam di negara kita ini menaikkan jamnya itu pukul 6.00 tepat pada masa matahari jatuh—matahari terbenam, iaitu lebih kurang setengah jam terkemudian

daripada waktu Semenanjung yang ada sekarang. Pada masa waktu maghrib misalnya jam dia tidak dikatakan pukul 6.10 minit atau pukul 6.05 minit tetapi pukul 6.00 tepat kerana orang-orang ini berpandukan kepada negeri Arab Saudi. Negeri Arab Saudi menandakan jamnya pukul 1.00 pada masa matahari naik, pada masa matahari terserlahlah naik di kaki langit, masa itu pukul 1.00. Jadi, kita di Malaysia ini oleh kerana maghrib itu hampir pukul 6.00 jadi ditimekanlah jamnya menjadi pukul 6.00.

Satu lagi perkara yang penting, ialah berkenaan dengan penggunaan jam di seluruh dunia. Inipun saya fikir kalau sekiranya pihak Kerajaan memikirkan sebagaimana yang disuarakan tadi oleh sahabat saya Tuan Haji Abdul Hamid iaitu Kerajaan kita dengan sebab jauh pandangannya telah meninggalkan sistem timbang sukat British itu dan memakaikan sistem metrik pada tahun 1982 padahal kita tahu dan kita percaya dengan perbuatan ini menyebabkan kerumitan yang amat besar dan akan menimbulkan problem yang berpanjangan di dalam negara kita kerana rakyat jelata lebih-lebih lagi yang buta huruf yang sentiasa menimbang dengan dacing, menyukat dengan ela dan berjalan dengan perkiraan batu, orang-orang ini tidak mudah hendak menukarkan kesemuanya ini dengan sistem metrik tetapi oleh kerana boleh dikatakan kebanyakan dunia sekarang ini sudah memakai sistem metrik maka Kerajaan kita sudah mengambil inisiatif iaitu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya dijalankan kerana Yang Amat Berhormat itu tahu yang yakin kita ada mempunyai pepatah mengatakan: Alah bisa, tegal biasa; lama kelamaan rakyat kita akan kalih, lama kelamaan rakyat Malaysia akan mengetahui juga dan akan lupa sistem dacing dan sebagainya. Maka sebab itulah pada permulaan tahun 1982, dua perkara akan dijalankan iaitu pertamanya, sistem jam dan yang kedua, sistem metrik. Tetapi di dalam sistem jam ini ada negeri-negeri yang tidak mahu memakai sistem British iaitu dikirakan 12 jam siang, 12 jam malam, dikirakan 24 jam terus seperti yang diamalkan di negeri Belanda dan diamalkan di Indonesia. Jadi kalau kita katakan pukul 2.00 pulak 2.00 apa? Kita terpaksa pula katakan pukul 2.00 siang

pukul 2.00 malam, p.m. atau a.m. dalam bahasa Inggeris. Tetapi kalau kita pakai sistem 24 jam ini senang sahaja. Pukul berapa? Sekarang ini pukul 2.00. Sekarang pukul berapa? Pukul 17. Kita berasa ganjil mula-mulanya 17, tetapi lama kelamaan sistem ini saya fikir lebih baik. Cara 24 jam ini lebih baik daripada sistem 12 jam. 12 jam siang, 12 jam malam. Ini juga boleh membawa kesamaran, sebab kalau hendak fikirkan perkara ini saya harap Kerajaan memikirkan sama.

Masalah kerja. Ada negeri-negeri yang kerjanya satu masa sahaja. Ada negeri yang sebagaimana diamalkan oleh sistem British kerjanya dua masa sebagaimana di Malaysia kita, kita hadir bekerja pukul 8.00 pagi, habis pukul 1.00 tengahari balik. Kemudian datang pula pukul 2.00 petang sampai pukul 4.00 petang, balik. Ini pada pendapat setengah orang menyusahkan. Ini sistem yang menyusahkan. Orang yang balik itu kalau dekat itu tidak mengapalah, macam orang hendak hadir ke Parlimen dia duduk di bawah itu sahaja; lebihkurang suku batu ataupun beberapa ela, tetapi kalau orang hendak balik ke Petaling Jaya dia tidak boleh balik. Begitu juga orang-orang di sesebuah negeri, dia datang bekerja di Pejabat. Jadi masa yang diberi kepada dia satu jam itu, itu alang kepalang sahaja, tidak sampai ke mana-mana. Di hendak balik ke rumah tidak dapat, dia tidak balik masa terbuang. Jadi di sinilah kadang-kadangnya timbul berbagai-bagai problem dan bermacam-macam peristiwa dengan sebab perkara-perkara yang seumpama ini. Ada baiknya saya fikir pada pendapat saya biarlah Kerajaan fikir balik, adakah baik sistem semacam ini dijadikan satu masa sahaja. Misalnya pukul 8.00 pagi masuk pukul 2.00 petang habis. Petang terpulang kepada orang itu hendak kerja apapun atau hendak buat apapun.

Kepada orang kampung senang, orang kampung apakala dia datang ada urusan pejabat dia datang sebelah pagi sahaja, kalau sebelah petang tentu dia hendak balik ke kampung dia. Kalau dia lewat balik, dia ketinggalan bas, dia ketinggalan teksi, ya tak ya sebelah pagi sahaja. Kalau kita pergi ke Pejabat Tanah misalnya, kita dapati masa pagi itulah kerja yang banyak dibuat di

Pejabat Tanah. Pada masa petang lengang sahaja.

Walaupun kita pakai sekarang ini sistem punch card tetapi itu untuk menandakan yang pekerja itu masuk kerja, bukan dia mesti buat kerja, kalau tidak hendak buat kerja apa-apa, dia duduk sahaja depan meja dia. Dengan sebab itu, saya fikir ini satu perkara mesti diambil kira, mesti dipersoalkan, adakah patut sistem British yang kita terima ini bekerja kemudian balik di tengah hari, datang pula sebelah petang kerana dua jam itu adakah patut ataupun tidak.

Pada pendapat saya bagi Malaysia lebih baik pakai sistem satu waktu juga daripada pagi sampai 2.00 cukup. Ia balik ke rumahnya, orang yang ada tanah dia hendak berkebun dia berkebunlah, orang yang hendak bertanam dia bertanamlah, dia boleh buat macam-macam lagi. Manakala orang-orang kampung sudah tentu dia mahu sistem ini, kerana apakala dia masuk pagi, tengah hari dia hendak ke mana-mana, dia alang kepalang sementara pukul 2.00 itu, kalau dia lewat sedikit, dia ketinggalan bas. Itulah sebab saya kata kena memikirkan sama.

Satu lagi yang besar sekali ialah masalah hari minggu. Ini juga mesti Kerajaan kita mengambil berat. Masalah hari minggu ini satu perkara yang boleh dikatakan entahlah saya hendak sifatkan apapun tidak tahu. Perkara yang tidak masuk akal, sebuah negara Persekutuan, di bawahnya ada negeri-negeri yang bergabung dengannya maka dibuat kelepasannya dua hari. Kelepasan hari minggunya, separuh negeri menggunakan hari Jumaat—hari minggu, separuh negeri menggunakan hari Ahad. Tidakkah ini satu perkara yang anih kalau didengar di dunia mana pun. Tidakkah merugikan rakyat pada masa hari Ahad negeri-negeri ini tutup pejabatnya, tutup pejabat di Kuala Lumpur dan sebagainya tetapi pejabat-pejabat dibuka di negeri Johor, negeri Trengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. Negeri-negeri ini tidak dapat dihubungi dengan Kuala Lumpur, tidak boleh berhubung dengan Selangor tidak boleh berhubung dengan Perak kerana pada hari ini tutup, hari kelepasan bagi negeri-negeri yang tersebut. Begitulah juga pada hari Jumaat. Di Kuala Lumpur menjalankan pekerjaan seperti biasa, berjalanlah negeri Selangor

seperti biasa, negeri Perak, tetapi ia tidak boleh berhubung dengan negeri Trengganu, tidak boleh berhubung dengan Kelantan, ia tidak boleh berhubung dengan Johor dengan sebab negeri-negeri ini tutup. Inilah yang saya kata perkara tidak patut.

Kita sudah merdeka 24 tahun, dua perkara ini macam dahulu juga, tetapi walau bagaimanapun macam saya katakan tadi syabaslah, tahniahlah saya ucapkan dua perkara yang besar telah dibuat tetapi saya harap perkara yang saya sebutkan tadi bukan dua perkara sahaja, tetapi banyak perkara lagi yang melibatkan kepentingan rakyat.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang oleh kerana perkara ini memang semua orang bersetuju, saya menyokong sahajalah dan memberi tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang begitu berani yang berkeyakinan penuh dan jujur itu. Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senator Hajjah Salmah.

4.45 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai waktu standard di seluruh Malaysia ini, saya juga ingin turut membahaskan walaupun serba ringkas kerana difikirkan apa yang telah ada di hadapan kita, mulai 1 Januari, 1982 waktu Malaysia telah bertambah menjadi jam 12.00 yang pada asalnya jam 11.30 malam Waktu Malaysia yang lama. Jabatan-jabatan Kerajaan akan dimulakan bekerja jam 8.00 pagi tidak jam 7.30 pagi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bil yang dibentangkan ini dan diminta pengesahannya hari ini dan akan berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1982 akan datang iaitu tidak berapa hari lagi maka dengan ini bererti seluruh Malaysia termasuk Sabah, Sarawak telah diseragamkan waktunya sama. Tidak ada waktu untuk Sabah dan Sarawak dan tidak ada waktu untuk Malaysia Barat hanya satu waktu sahaja yang akan dihadapkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini haruslah menjadi senang tidak menjadi ganggu dan

tidak selalu menukar waktu jam seperti dahulu lagi. Kalau kita ke Sabah atau ke Sarawak kita mesti membetulkan jam kita, begitulah juga sebaliknya kalau hendak ke Malaysia Barat terpaksa diputar jam bagi diselaraskan. Juga kalau kita ke Indonesia tidak payah lagi kita tertanya-tanya jam berapa sekarang atau lain-lainnya, memadailah dengan keadaan sekarang. Pendeka kata keseluruhannya adalah sama Cuma apa yang patut difikirkan pula bagaimana Singapura atau Thailand. Tetapi tadi saya telah dengar di mana ada berita kononnya sudah dapat persetujuan Singapura hendak disamakan. Itu entah kita lihat dan kita dengar, tetapi saya ingin tahu pula bagaimana Thailand, saya tidak tahu. Tetapi adalah lebih baik pihak Kerajaan kita supaya diselaraskan waktu di rantau Asean ini supaya sama dan senang, kerana, kalau Malaysia, Indonesia dan Philipina sudah sama waktunya, saya rasa tidak menjadi keberatan Singapura, Thailand dan lain-lain negara mengikut sama dan di selaraskan barulah ada erti ASEAN itu bersatu sekurang-kurangnya waktunya dahulu disamakan. Maka saya berharap agar Kerajaan kita akan terus berunding suapay waktu ini diselaraskan di seluruh ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul ini bukanlah kerana menyokong dengan membuta tuli sahaja atau pak turut sahaja, tetapi menyokong kerana hasrat saya dalam perkara ini telah lama tetapi tidak dipaparkan kerana masih ada kesulitan-kesulitan yang begitu banyak. Sekarang alhamdulillah telah dapat dipaparkan maka dalam masalah ini itulah yang diperkatakan di atas tadi mendapat dokongan daripada pihak saya dan Ahli-ahli Dewan. Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya apa yang kita fahamkan di seluruh gagasan Melayu Raya ini seperti kata pepatah Melayu, pinang pulang ke tampuk, sireh pulang ke gagang. Tetapi kalau di seluruh ASEAN adalah amat baik dan amat sesuai sekali.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun perkara ini ada sulitnya, saya rasa tidaklah sulit hanya pada permulaan sahaja dan akhirnya perkara

ini dapat diikuti secara beransur-ansur kelak kerana waktu ini tidak mengganggu perjalanan cuma hanya memeningkan kepada kita sekejap masa sahaja. Maka diharap Kerajaan dapatlah menyelerakan dengan licin pada segenap pihak, terutamanya mengenai kepentingan orang ramai seperti jadual penerbangan, jadual keretapi, siaran-siaran radio dan lebih-lebih lagi yang paling pentingnya ialah waktu sembahyang hendaklah diberi penerangan. Umpamanya, sekarang waktu Zohor 12.45 dan pada tahun 1982 nanti waktu Zohor telah meningkat 1.15 tengah hari. Kalau rungutan ada, janganlah pula dikatakan perkara ini hendak dirungut tetapi diharap dibetulkan dan buat siaran dan penerangan yang sejelas-jelasnya supaya rungutan-rungutan ini dapat difahamkan. Janganlah pula dikatakan, tahun baru waktupun baru dan waktu sembahyangpun baru. maka tuduhan akan timbul pula seperti yang diheboh-heboh ajaran baru pula. Maka perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, penerangan dan penjelasan amat perlu diberi kepada keseluruhannya, lebih-lebih lagi mesti dirundingkan dengan ahli-ahli falak, ahli-ahli falak yang pakar dalam bahagian ini. Cuma satu yang saya muskilkan, ialah Kerajaan tidak mengeluarkan arahan rasmi mengenai menteragamkan waktu ini, tetapi diserahkan sahaja kepada pihak-pihak menyesuaikan dengan keadaan waktu baru, kenapa demikian? Maka saya cadangkan eloklah Kerajaan mencari ahli-ahli yang pakar seperti ahli falak bagi menyesuaikan dan menetapkan waktu ini dengan berpandukan perjalanan matahari di dunia. Maka tanggungjawab berkenaan dengan perkara ini barulah sama dipertanggungjawabkan.

Sekarang ini Kerajaan tidak mengeluarkan arahan rasmi tetapi supaya pihak berkenaan di harap menyesuaikan, tetapi kalau terjadi perbalahan atau kesilapan yang mengakibatkan kecelakaan nanti siapa yang akan bertanggungjawab. Maka saya berharap perkara ini pihak Kerajaan akan mengeluarkan dengan secepat mungkin arahan rasmi dan umun dapat mengikuti penjelasan-penjelasan yang berkenaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, barulah ada kaitan antara satu dengan lain dan keseragaman waktunya yang disamakan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini kita dapat sama faham sebagaimana apa yang dikatakan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat pada mula tadi, kita sama-sama juga syukur kehadiran Allah apa yang berlaku, kehendak di tangan kita, keputusan di tangan Allah. Apa yang kita fahamkan sejarah tidak pernah berlaku yang kita tahu ialah sepatutnya Dewan Rakyat membahaskan dulu sesuatu perkara itu kemudian baru di bawa ke Dewan Negara ini tiba-tiba Alhamdulillah, Dewan Negara telah mendahului Dewan Rakyat sedangkan Dewan Rakyat akan bersidang pada hari Isnin barangkali 21hb. Disember, 1981 mengenai hal ini. Maka di dalam hal ini satu perubahan juga yang sekarang kita tidak hairan dunia berputar, masa beredar maka semua itu akan mengadakan perubahan dengan secepat mungkin asal perkara yang baik sama-sama kita sambut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut hendak menekan di akhir perbahasan saya mengenai hal waktu ini walaupun perkara ini sedikit terkeluar daripada masalah ini. Apa yang saya turut memperkatakan kalau waktu sudah boleh dipinda untuk disamakan dengan negara-negara yang sama, jiran yang sama, tidakkah boleh Kerajaan hari ini meminda pula hari kelepasan mingguan biarlah disamakan dengan negeri-negeri yang kelepasannya dilakukan pada hari Jumaat, cuti penuh dan hari Khamis separuh hari. Kalau ini dapat disarankan dan disamakan alangkah baik supaya senang pihak masyarakat kita yang berada di setengah-setengah negeri dalam Malaysia kita ini, sebab beberapa buah negeri seperti Kelantan, Trengganu, Johor, Kedah mereka cuti pada hari Khamis separuh hari dan hari Jumaat penuh hari tetapi hari lain bekerja, tetapi kita di setengah-setengah negeri bercuti Sabtu dan Ahad. Jadi kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru ini boleh adakan waktu standard, apalah salah pula hari Jumaat yang penting ini dijadikan hari cuti seluruh negara.

Sekian, saya sokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo.

4.55 *ptg.*

**Tuan V.V. Aboo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dan mengalu-alukan tindakan Kerajaan yang telah membuat sistem waktu standard Malaysia yang baru dengan mempercepatkan setengah jam di samakan dengan zon waktu di Sabah dan Sarawak. Saya berpendapat tindakan mempercepatkan waktu ini sangatlah baik kerana kena pada masanya memandangkan kita tidak akan lagi mempunyai dua waktu yang berlainan di negara ini yang mana dengan mempunyai dua waktu ini mungkin akan timbul berbagai masalah dan keliru kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan waktu ini menjelang bulan Januari 1982 Kerajaan hendaklah memastikan supaya sistem waktu baru akan berjalan dengan lancar dan kemas serta tidak menimbulkan sebarang masalah dan kerumitan.

Disamping itu saya berharap dengan adanya satu sistem waktu yang sama tidak akan menimbulkan sebarang jurang perbezaan dalam segala segi antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Adalah menjadi harapan saya juga dengan pelaksanaan sistem waktu ini Kerajaan dapat menjamin waktu persekolahan atau jadual sekolah tidak terganggu atau tergendala. Kerajaan juga hendaklah mengambil perhatian yang serius mengenai masalah yang mungkin dihadapi oleh kanak-kanak sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan termasuk pengangkutan untuk pergi ke sekolah lebih awal apabila waktu ini dijalankan.

Saya juga berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah menasihatkan sektor syarikat-syarikat swasta supaya membuat sistem kerja yang baru kerana ini akan mengatasi berbagai-bagai masalah yang mungkin timbul setelah sistem waktu ini digunakan.

Mengenai pengumuman sistem waktu standard baharu ini, saya berharap semoga Kerajaan akan membuat satu kempen pengumuman yang besar-besaran termasuk di kawasan pendalaman sistem kampung-kampung di seluruh negara untuk

memberitahu rakyat tentang perubahan waktu ini. Saya berharap semoga perubahan waktu ini akan berjalan dan dilaksanakan dengan sempurna dan lancar tanpa menimbulkan sebarang masalah kepada rakyat.

Akhir sekali saya menyokong penuh tindakan mengubah waktu standard Malaysia ini dan berharap semoga rakyat dapat menerima perubahan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh.

5.01 *ptg.*

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong bersama rakan-rakan yang lain Rang Undang-undang disamakan masa di antara Semenanjung dengan negeri Sabah dan Sarawak. Sebelum daripada saya menyentuh beberapa perkara, saya rasa inilah pertama kali Dewan Negara diminta, dibawa usul lebih dahulu sebelum daripada perkara ini dibentang atau dibahas di Dewan Rakyat sebagaimana kebiasaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga selain daripada menyokong, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baharu kerana telah mengambil langkah hendak mengubahkan masa, hendak menyamakan masa antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Apa yang mendukacitakan saya sepatutnya perkara ini dibuat sewaktu Sabah dan Sarawak sama-sama dengan kita dalam Malaysia dahulu lagi, kalau tidak salah ingatan saya dalam tahun 1963. Semenjak Sabah dan Sarawak memasuki dalam gugusan Malaysia, kita selalu ditanya oleh orang-orang lain daripada Sabah, Sarawak dan daripada Semenanjung, kenapakah satu negara tetapi berbeza begitu jauh waktu sebagaimana yang kita lihat di TV atau di Radio pukul 8.00 waktu Semenanjung, 8.30 waktu Sabah dan Sarawak sedangkan Sabah dan Sarawak adalah satu unit negara Malaysia kita ini. Walau bagaimanapun, sebagaimana saya katakan tadi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Seperkara lagi yang saya suka menyentuh di sini ialah keadaan yang menjadi sedikit

sebanyak kesulitan dan kerumitan kepada pegawai-pegawai kita. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dijaminan oleh Ketua Setiausaha Negara dalam satu ulasan baharu-baharu ini menyatakan, masa tidak berubah tinggal lagi jam sahaja dipusingkan sedikit. Saya tidak nampak keadaan sedemikian tetap masa juga berubah, barangkali masa kita tidur juga berubah, masa kita bangkit pagi pun berubah tidaklah sama dengan kita pusing sahaja jam itu kerana kalau hendak dikirakan dengan apa yang ada sekarang ini yang bermula pada 31hb Disember, ini ialah masa waktu bekerjanya jam 7.30 pagi bukan 8.00 seperti yang ada sekarang sungguhpun jam itu dipusing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini terlalu ringkas dibuat dan di ruangan huraian pun terlalu ringkas sangat, sepatutnya perkara yang sebegini dihuraikan lebih panjang sedikit bagi tujuan boleh difahami oleh segenap lapisan rakyat kita dan juga dapat diketahui oleh rakyat-rakyat atau negara-negara jiran kita seperti Singapura dan Thailand. Saya sendiri tidak pasti sekarang ini sama ada rundingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Singapura telah berjaya atau tidak. Begitu juga dengan Thailand barangkali belum dibuat perundingan. Jadi, hal ini pun satu perkara sebagaimana rakyat negeri Kelantan menjadi jiran yang dekat dengan Thailand dengan perubahan ini boleh mengelirukan rakyat di sempadan kedua-dua negeri ini. Jadi, saya harap kalau selepas berjayanya perundingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Perdana Menteri Singapura untuk menyamakan masa ini, saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pula akan membuat perundingan yang sama dengan Perdana Menteri Thailand supaya dua negeri yang berjiran ini tidak akan menjadi apa-apa kesusahan dari apa yang kita ubahkan masa ini. Saya tidak berniat hendak bercakap panjang dalam Rang Undang-undang ini, sekali lagi saya harap perkara yang saya sebutkan tadi mendapat perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris.

*5.08 ptg.*

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut memberi sokongan atas Rang Undang-undang suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai waktu standard di seluruh Malaysia seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri yang membentangkannya sebentar tadi.

Sebagai rakyat dari negeri Sarawak dengan kesempatan ini, izinkan saya bercakap sepatah dua kata bagi mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan baharu Kerajaan pada hari ini yang berpandangan jauh bagi membuat satu perubahan waktu Semenanjung Malaysia sama dengan Sabah dan Sarawak. Ini juga menunjukkan satu ketegasan pucuk pimpinan yang boleh menentukan kuasa Kerajaan yang disokong oleh rakyat bagi mendekatkan lagi di antara rakyat di Semenanjung dengan rakyat di Sabah dan Sarawak supaya tidak ada perbezaannya. Kita sebagai sebuah negara merdeka, kita boleh menentukan apa yang kita fikir perlu untuk kebaikan rakyat di negara kita. Kita juga tidak semestinya mengikut apa yang dibuat oleh negara-negara lain.

Dengan adanya waktu yang sama segala perhubungan di antara Sabah dan Sarawak khasnya dalam urusan pentadbiran Kerajaan Pusat kedua negeri bertambah lebih bermakna lagi. Bagi rakyat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak juga lebih senang mengguna waktu yang sama untuk membuat segala sesuatu menerusi telefon dan sebagainya.

Bagi urusan perniagaan pula seperti bank-bank di sini dengan bank-bank di Sabah/Sarawak lebih mudah lagi untuk mengurus dan menentukan jualbelinya. Dengan perubahan waktu seperti diterangkan dalam Akta ini, saya tidak fikir menimbulkan kepayahan kepada rakyat dan kakitangan awam dan swasta di Semenanjung ini.

Dengan adanya Akta ini dibentang dalam Dewan yang mulia pada hari ini sebelum

dibentang dalam Dewan Rakyat, ini juga satu kehormatan besar kepada Ahli-ahli Dewan Negara untuk mem bahas nya lebih dahulu daripada Dewan Rakyat. Setakat yang saya tahu semenjak Sabah dan Sarawak merdeka dalam Malaysia inilah pertama kalinya suatu Akta dibahas dan diluluskan oleh persidangan Dewan yang mulia ini, kemudian baru dibawa dan dibentang dalam Dewan Rakyat. Kepada saya Kerajaan hari ini telah menggunakan kuasanya dengan begitu tegas dan bertanggungjawab untuk membuat segala sesuatu yang sesuai dan wajar bagi usaha yang mulia dan baik serta menegakkan kebenaran dan keadilan.

Dengan lulusnya Akta ini maka pada 1hb Januari, 1982 satu babak baru sejarah negara kita dapat dicapai bagi kepentingan perpaduan serta pembangunan rakyat dan negara seluruhnya.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

### 5.13 ptg.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain bagi menyokong akan Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Waktu Standard Malaysia 1981.

Banyak pandangan-pandangan yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya. Di sini juga saya bersama-sama mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah membuat satu undang-undang ini bagi menyesuaikan atau menyamakan waktu Malaysia Barat dan Malaysia Timur yang mana selama hari ini kita melihat di kaca TV ada dua waktu ataupun dua jam dipampang di sebelah mengatakan waktu Malaysia Barat dan waktu Malaysia Timur. Dengan adanya ini pada 31hb Disember, 1981 dan menjelang 1hb Januari, 1982 babak baru, iaitu waktu ini akan bertukar sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga mengatakan inilah pertama kalinya sebagai

sejarah Rang Undang-undang yang serupa ini dibahas dan diluluskan terlebih dahulu di Dewan Negara yang selalunya ialah di Dewan Rakyat. Maka dengan ini juga rasa saya tuduhan-tuduhan mengatakan Ahli-ahli Dewan Negara ialah sebagai rubber stamp maka pada hari ini, rasa saya perkara itu tidak akan timbul lagi.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara yang akan ditukar, dari sistem metrik, sistem batu dan sebagainya telahpun ditukar dan akan juga berjalan pada tahun hadapan.

Dalam hal ini, ada Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan soal waktu untuk anak-anak kita bersekolah yang bermula pada tahun hadapan maka mereka itu jikalau mengikut waktu yang kita akan luluskan ini mereka itu akan bangun lebih awal lagi dan lebih awal juga akan pergi ke sekolah. Oleh itu dalam masalah ini, saya berharaplah kepada Kerajaan supaya tentang hal waktu sekolah ini dapat dipertimbangkan. Ini ialah lebih-lebih lagi kepada anak-anak kita yang duduk di luar bandar, kerana mereka ini datangnya kadangkala 4-5 batu untuk sampai ke sekolah dengan berjalan kaki ataupun naik basikal. Dengan adanya masa setengah jam cepat ini, rasa saya kalau pukul 5.30 pagi terlalu gelaplah untuk mereka pergi ke sekolah dengan berjalan kaki ataupun naik basikal kepada anak-anak kita yang duduk di luar bandar, tetapi bagi anak-anak kita yang duduk di dalam bandar rasa saya ini masalahnya tidaklah begitu ketara kerana masa di Kuala Lumpur ini siang dan malam terang senantiasa.

Dalam soal ini juga nampaknya Kerajaan juga memberi peluang lebih kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita yang mana pada masa ini menggunakan punch card, mereka akan lebih awal datang, mereka tidak berpeluang sebagaimana dahulu untuk pergi rihat dahulu ataupun main golf pagi-pagi dahulu, tetapi sekarang nampaknya mereka ini bolehlah ditukarkan masanya di sebelah petang kerana masa petang nampaknya lebih lama daripada selepas pegawai-pegawai ini balik daripada kerja nanti. Soal ini rasa saya pegawai-pegawai Kerajaan patutlah mengikut masa ini supaya benar-benar memberikan tugas

sepenuhnya kepada Kerajaan sebagaimana yang telah diberikan tugas kepada mereka.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh juga tentang soal cuti hujung minggu. Kemungkinan tidak menyentuh dalam Rang Undang-undang ini tetapi rasa saya ada memakan masa juga, iaitu cuti hujung minggu di dalam negara kita ini juga patut diselaraskan sebagaimana Kerajaan menyelaraskan timbang sukat, keruan, batu dan seterusnya dan sekarang masa jam. Rasa saya telah tiba masanya pihak Kerajaan, iaitu Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut cuti hujung minggu, sama ada hendak digunakan pada hari Jumaat ataupun hari Ahad untuk dijadikan cuti mingguan, kerana inipun menyulitkan kita. Umpamanya di Kelantan, Kedah, Perlis, Johor, hari cutinya jatuh pada hari Jumaat dan hari Khamis mereka itu bekerja sekerat hari.

Di Kuala Lumpur ataupun Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka cuti hujung minggunya hari Ahad, bekerja hari Sabtu sekerat hari. Oleh itu rasa saya masanya telah tiba supaya dapat distandardkan juga cuti hujung minggu ini, iaitu bagi menyenangkan pegawai-pegawai Kerajaan untuk menjalankan tugas.

Sekarang nampaknya kadangkala kalau mengikut cuti ini ada pihak-pihak Kerajaan yang bekerja sepenuh masa, tak ada cutinya dalam satu minggu. Kadangkala mereka ini kena ditugaskan di negeri-negeri, umpamanya di Kelantan yang cutinya hari Jumaat, mereka ini bekerja hari minggu, pegawai-pegawai Kerajaan ini terpaksa bekerja. Bagi pegawai-pegawai dari Kuala Lumpur umpamanya sungguhpun mereka cuti hari minggu tetapi di Kelantan ataupun di negeri-negeri lain tidak cuti hari minggu, mereka terpaksa bekerja hari minggu. Bermakna mereka ini tidak ada cuti dalam satu minggu bekerja itu kalau pegawai-pegawai Kerajaan yang telah ditugaskan bekerja di luar.

Begitu juga dari segi ahli perniagaan sama ada dalam negeri ataupun luar negeri susah untuk satu negeri dengan negeri lain yang mana hari Jumaat mereka cuti dan pihak Kerajaan Pusat ataupun Kuala Lumpur tidak

akan dapat mengurus ataupun berniaga umpamanya di Kelantan ataupun Terengganu yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, saya ulangi lagi supaya perkara cuti ini dapat dirundingkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, dengan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan di Negeri-negeri supaya dapat cuti hujung minggu diselaraskan sama ada hendak ditetapkan hari Minggu ataupun hari Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak yang telah disentuh perkara ini, maka saya bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini menyokong di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

5.22 ptg.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang iaitu Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai Waktu Standard di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1963 sehinggalah kepada tahun ini 1981 adalah genap 18 tahun Malaysia telahpun wujud dan genaplah penyertaan Sabah dan Sarawak selama 18 tahun di dalam Persekutuan Malaysia dan kebetulan pula Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini tepat pada tanggal 18 haribulan Disember.

Tuan Yang di-Pertua, selama 18 tahun sebuah negara telah wujud iaitu Malaysia di dalam masa yang begitu agak panjang maka kita mempunyai dua waktu. Maka syukur alhamdulillah dengan usaha dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka untuk menghilangkan rasa perbezaan di antara negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia itu dapatlah kita hapuskan menjelang 31hb Disember tahun ini iaitu tanggal pada jam 11.30 malam waktu di Semenanjung. Maka sekiranya jiran tetangga kita, Singapura bersetuju dengan waktu yang diseragamkan ini, maka saya fikir Malaysian Standard Time (MST) itu adalah juga tepat kalau dalam bahasa Inggerisnya: Malaysia-Singapore Time. Waktu di Semenanjung Malaysia dan Singapura yang sedia kita maklum perbezaannya setengah jam tetapi

bagi Sabah, Indonesia, Thailand dan Filipina memang mempunyai waktu yang sama. Maka dengan menyeragamkan waktu dan perubahan waktu ini nanti sudah tentu lebih banyak dirasakan oleh rakyat di Semenanjung Malaysia dan tidak banyak pula dirasakan oleh rakyat Sabah dan Sarawak. Jadi, walau macam manapun dalam perubahan waktu ini mungkin hanyalah dalam masa yang singkat sahaja bagi menyesuaikan dalam masa perubahan waktu ini nanti. Bagi Sabah dan Sarawak tidak banyak merasakan apa-apa perbezaan dalam waktu tetapi apa yang dirasakan nanti oleh orang Sabah dan Sarawak bila dalam mana siaran Radio dan TV maka tidaklah disebut nama Sabah dan Sarawak lagi, maka hanyalah satu sebutan Waktu Standard Malaysia. Maka inilah satu-satunya waktu yang kita harapkan tanpa menyebutkan waktu Sabah dan waktu Sarawak dan waktu Semenanjung Malaysia dan ini juga menjimatkan masa kepada Juruhebah Radio dan TV seperti Arumugam dan Wan Chik Daud akan memendekkan dalam sebutan waktu itu nanti hanya menyebut satu sahaja masa iaitu Malaysian Standard Time Waktu Standard Time (Waktu Standard Malaysia).

Di sini saya ingin juga menyebutkan dalam persamaan atau penyatuan waktu ini maka dapatlah bagi rakyat Sabah dan Sarawak menghubungi baik melalui telefon tanpa menunggu waktu. Biasanya apabila saya hendak menghubungi Setiausaha Dewan Negara, saya sudah berada di pejabat lebih kurang jam 8.00 pagi tetapi di sini belum lagi sampai, baru pukul 7.30 pagi, jadi terpaksa kena tunggu waktu menyesuaikan bagi panggilan sambungan terus ke Semenanjung. Maka dengan perubahan waktu ini juga, saya percaya bila pramugari MAS hendak mendarat di Kota Kinabalu dan Sarawak tidak payah lagi mengumunkan waktu Sabah sekarang sekian-sekian jam dan waktu Sarawak sekian-sekian jam, tetapi hanya meringkaskan perkataan: kita telah mendarat di Lapanganterbang Antarabangsa Kuching, Sarawak ataupun Lapanganterbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Jadi, itu menunjukkan bahawa rakyat Malaysia daripada Semenanjung Malaysia mendarat di Sabah dan Sarawak tanpa mengira waktu perbezaan dan tanpa memikirkan rasa

perbezaan di antara rakyat Sabah, Sarawak dengan rakyat Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 18 tahun Sabah merdeka melalui Malaysia hanya satu yang saya anggap adalah kena pada tempatnya mungkin masanya sudah sampai iaitu supaya Kerajaan Persekutuan memansuhkan jawatan Setiausaha Persekutuan (Federal Secretary) di negeri Sabah dan digantikan menjadi Ketua Jabatan-jabatan Persekutuan kerana tidak terdapat Federal Secretary atau Setiausaha Persekutuan di Perlis, di Trengganu, di Kelantan, di Perak dan sebagainya. Jadi masih nampak tanda-tanda perbezaan maka untuk menghindarkan rasa tidak menyenangkan kenapa ada Setiausaha Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Jadi untuk menyeragamkan yang kita ini sebagai satu negara walaupun Sabah dan Sarawak dipisahkan oleh Laut China Selatan sejauh 1200 batu tetapi dengan adanya jawatan Setiausaha Persekutuan di Sabah itu masih ternampak rasa tidak mempunyai keyakinan kepada negeri Sabah. Maka dengan itu.....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya ingat itu tak ada kenamengena dengan Waktu Standard Malaysia.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya dalam menyokong Rang Undang-undang bagi menyeragamkan waktu antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, di sini saya juga ingin supaya perkataan atau sebutan yang digunakan atau bahasa di antara orang Sabah, Sarawak dan Semenanjung hendaklah juga disamakan melalui usaha daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang paling senang yang saya anggap ada perbezaan sebutan, kalau orang Inggeris mengatakan "apple" orang Amerika pun mengatakan "apple", begitu juga perkataan "orange", di Amerika satu perkataan juga "orange". Tetapi bagi kita, "pisang" macam-macam jenis nama pisang dan sebutannya berlainan.

Suatu hari saya pergi ke Pasar Chow Kit membeli pisang. Penjual itu orang Semenanjung, jadi saya katakan: Inilah jenis

pisang yang saya mahu beli, ini pisang bagus. Jadi dia bertanya orang Sabah sebut pisang apa? Saya kata ini pisang emas. Dia kata, "Oh! kita di sini lain, ini bukan pisang emas, di sini disebutkan, dikatakan pisang monyet". Jadi begitu jauh bezanya emas dengan monyet. Jadi orang Sabah mengatakan emas, tetapi orang Semenanjung mengatakan pisang monyet. Jadi perbezaan itu terdapat. Jadi untuk membetulkan terpaksalah pisang itu saya rasa. Jadi belilah dan rasa dahulu. Jadi saya mengatakan: Ya, betullah yang saya rasa ini betul pisang emas. Dia pula rasa dia kata tidak, ini pisang monyet. Jadi yang mana satu betul?

Saya katakan inilah masalah yang kita belum ada persamaan penggunaan bahasa daripada segi sebutan nama buah-buahan dan sayur-sayuran yang begitu mudah. Maka sudah 18 tahun sepatutnya penyamaan sudah wujud dan di waktu itu juga Dewan Bahasa dan Pustaka sudah mulai ditubuhkan di negara ini tetapi perkara yang mudah di pasar-pasar ini, sebutan buah-buahan pun belum dapat dipersamakan sedangkan bahasa lain sudah dapat kita pertukarkan.

Misalnya, bahasa teknik daripada bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia, walaupun tidak tepat kepada pertukaran Bahasa Malaysia ditambahkan sahaja, kalau bahasa Inggeris ada "tion" di hujungnya, maka bahasa Malaysianya "si" co-operation jadi kooperasi.

Jadi, inilah perkara yang saya anggap sungguh mengelirukan di antara kedua negeri yang menggunakan sebutan dalam dua perkataan buah-buahan itu ada terdapat perbezaan.

Dan juga untuk mengakhiri, saya ingin menyebutkan mengenai bahasa yang digunakan dalam TV Malaysia terutama sekali dalam Drama Minggu ini iaitu misalnya drama yang bertajuk "Anjang Aki", orang-orang Sabah dan Sarawak tidak dapat memahami perkataan-perkataan yang digunakan dalam cerita Drama Minggu ini iaitu "Anjang Aki" kerana loghat-loghat bahasa yang digunakan dalam "Anjang Aki" itu lebih banyak membawa kedaerahan di sebelah negeri Semenanjung. Saya tidak tahu loghat orang Perak atau loghat orang Negeri Sembilankah atau cerita itu berasal

dari negeri Sembilankah? Jadi adalah tidak dapat disesuaikan dengan penerimaan oleh orang-orang Sabah dan Sarawak mengikuti cerita "Anjang Aki". Walaupun aliran kita dapat kita ikuti, tetapi secara penyampaian bahasa dalam Drama Minggu ini kebanyakannya menggunakan bahasa menurut loghat-loghat penulis skrip cerita itu, Jadi oleh kerana kita boleh membuat satu standard time antara Sabah dan Sarawak kenapa kita tidak boleh menggunakan satu standard bahasa di dalam televisyen kita terutama sekali dalam siaran-siaran Drama Minggu ini supaya semua suku-suku kaum yang berketurunan di dalam Malaysia ini dapat mengikuti, maka tidak ada timbulnya lagi tuntutan mahukan satu program di satu pihak yang lain, satu negeri yang lain untuk memenuhi keperluan ini. Sekiranya ada penyamaan penggunaan bahasa ini, saya fikir itu akan dapat mencerminkan bahawa rakyat Malaysia ini mengerti dan faham kepada satu standard bahasa yang sebenarnya yang digunakan dalam mass-media Kerajaan kita pada masa ini iaitu RTM.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pihak RTM membenarkan kepada penulis-penulis skrip cerita di Sabah . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya hendak mengingatkan juga Yang Berhormat, itu tidak kena-mengena dengan time.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik, ini saya hanya mengutarakan perbezaan di antara bahasa. Walaupun demikian saya rasa ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin memberikan ucapan, oleh yang demikian saya ringkaskan ucapan saya dan mengucapkan terima kasih dan menyokong Rang Undang-undang ini serta mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dalam masa yang begitu singkat beliau menjadi Perdana Menteri kesedaran beliau untuk menyatukan masa yang seragam di antara Sabah dan Sarawak menjadi satu pada tanggal 31hb Disember, 1981.

5.34 ptg.

**Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri menyokong Rang Undang-undang yang sedang

dibincangkan sekarang dan rasa saya sudah sampailah masa bagi kita untuk mengubah waktu supaya bersamaan dengan Sabah dan Sarawak. Apa yang saya hendak katakan di sini iaitu kesulitan akan timbul pada murid-murid yang sedang bersekolah yang tinggal berjauhan daripada bandar.

Saya ingin memberi sedikit contoh. Murid-murid yang tinggal di rumah Rancangan Banjir di Kuantan, iaitu di Batu Sawah dan Pancing mereka terpaksa berjalan kaki dari rumahnya pada jam 5.30 pagi menggunakan lampu berjalan kaki pergi ke tempat perhentian bas, menunggukan bas datang daripada Kuantan daripada pukul 6.00 pagi, bas akan bertolak daripada tempat Rancangan ini pergilah daripada satu kampung ke satu kampung mengutip murid-murid hinggalah sampai ke sekolah pada jam 7.30 pagi, waktu kelas dimulakan. Jika sekiranya pada tahun depan kita menggunakan waktu baru ini, maka rasa saya kesulitan murid-murid nampaknya makin bertambah berat lagi daripada 5.30 terpaksa meninggalkan rumah pada pukul 5.00 pagi dengan menggunakan lampu dan ibu-bapa terpaksa menghantar kerana melalui hutan-rimba. Saya harap pada tahun hadapan waktu baru ini tidaklah menyulitkan murid-murid yang tinggal berjauhan daripada bandar supaya waktu kelas dimulakan tidak pada jam 7.00 pagi, tetapi pada jam 7.30 seperti biasa. Inilah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua dan saya harap Kementerian Pelajaran dan juga Kerajaan akan dapat menimbang perkara ini seperti yang saya katakan.

5.37 *ptg.*

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sebelum saya menjawab perbincangan-perbincangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang positif yang semuanya boleh dikatakan mempunyai nada yang satu, memuji Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir yang berani dalam membuat beberapa

perubahan yang penting dalam negara ini. Perubahan yang besar iaitu perkara standard time di dalam Akta yang saya kemukakan pada hari ini dan yang keduanya sebagaimana yang telah diterangkan dan disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir iaitu mengenai metrik sistem yang akan digunakan dalam negara kita ini. Sebenarnya, kedua-dua ini tidak menyulitkan rakyat dalam segala masalah dan segala aktiviti-aktiviti rakyat.

Saya suka menyebutkan bahawa apa yang dibangkitkan oleh beberapa orang Senator yang telah menyebutkan faedah-faedah yang akan didapati daripada perubahan standard time ini yang mana sekiranya diperhatikan dengan halusi bahawa standard time ini adalah satu usaha untuk kita menyatupadukan negeri-negeri di dalam Malaysia ini terutama sekali Sarawak dan Sabah. Dalam pentadbiran tidak ada kesulitan yang akan timbul kerana penyatuan waktu di antara Sabah dan Sarawak dengan Peninsular ini dan saya sukalah menyatakan dua-tiga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu apa yang dibimbangkan iaitu murid-murid sekolah, jika berlaku perubahan standard time mungkin ini akan menimbulkan beberapa kesulitan kepada murid-murid sekolah. Sebenarnya perkara ini boleh diubahsuai kerana time setengah jam itu terdahulu tidaklah menyebabkan kesulitan dan ini bolehlah diubahsuai dengan bas-bas atau kenderaan yang membawa anak-anak kita ke sekolah.

Saya tidaklah hendak menjawab semua sekali apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu semuanya memberi pujian dan memberi pandangan-pandangan yang baik kepada Akta yang saya bawa ini.

Cuma satu perkara sahaja yang saya hendak terangkan di sini iaitu sesuatu Rang Undang-undang melainkan "Money Bill" boleh dikemukakan pada permulaan di dalam mana-mana Dewan Parlimen sama ada Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat, mengikut Peraturan Mesyuarat 47 Dewan Negara dan juga Fasal 66 (2) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Jadi mengikut

apa yang saya difahamkan Akta yang sekarang ini dibawa ke Dewan Negara ini bukanlah kali yang pertama. Ini merupakan kali yang kedua sebagaimana yang saya telah difahamkan oleh pihak yang berkenaan. Jadi tidaklah menjadi apa yang dikatakan ganjil Dewan Negara membawa Rang Undang-undang ini.

Mengenai komen seorang Senator yang telah menyebutkan Rang Undang-undang ini pendek pada pendapatnya, Rang Undang-undang yang dikemukakan ini hanyalah membuat perubahan bagi mendahulukan masa sekarang sebanyak setengah jam sahaja. Oleh yang demikian tidaklah payah mengubah ataupun mengadakan suatu Rang Undang-undang yang paling lebar yang boleh mengelirukan orang nanti.

Menyentuh beberapa perkara seperti percetakan takwin, buku-buku dan berapa perkara lagi mengenai kegiatan-kegiatan rakyat dalam negara ini, inipun tidak menjadi satu kesulitan dengan perubahan standard time ini. Oleh sebab itu, pihak Kementerian Penerangan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi penerangan kepada rakyat seluruhnya tentang perubahan standard time ini dengan setengah jam dahulunya dan akan diterangkan supaya tidaklah rakyat merasa bimbang sesuatu akan terjadi kesulitan kepada mereka dengan perubahan standard time ini.

Saya rasa dengan perubahan standard time ini negara-negara ASEAN akan dimaklumkan supaya sama-sama mengubah dan setengah daripada negara-negara dalam ASEAN ini sudahpun sama dengan standard time ini. Oleh yang demikian saya rasa tidaklah menimbulkan satu kesulitan dalam perhubungan negara-negara dalam ASEAN ini.

Itulah sahaja yang dapat saya kemukakan dan sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang baik dan memuji Kerajaan dan memberi pandangan bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berani mengubah sesuatu dengan tegas kerana kepentingan negara dan kepentingan rakyat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1980 DAN 1981)

### Bacaan Kali Yang Kedua

5.48 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1980 dan 1981 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu", dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat, 1980 sebanyak \$1,802,952,785 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1981 sebanyak \$756,402,566. Kedua-dua Anggaran Tambahan ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut kehendak Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya bercadang hendak mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat, 1980. Fasal 2 Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$1,802,952,785 bagi perkhidmatan tahun 1980, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1980 yang asal dan dalam Anggaran-anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga, 1980.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat, 1980 adalah berjumlah \$1,975,819,169 tetapi hanya sebanyak \$1,802,952,785 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$172,866,384 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang yang tertentu.

Tambahan terbesar di bawah Perbelanjaan Bekalan iaitu sebanyak \$1,800 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 33—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun sebagai pindaan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi menambah peruntukan Kumpulanwang tersebut untuk membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Lain-lain tambahan adalah merupakan tambahan-tambahan kecil bagi Maksud B. 21—Jabatan Pertahanan Awam, Maksud B. 30—Kementerian Luar Negeri dan Maksud B. 42—Jabatan Pendaftaran Negara yang dikehendaki bagi menampung kekurangan peruntukan bagi pelbagai perkhidmatan di bawah Kementerian dan Jabatan-jabatan tersebut seperti yang diuraikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1981.

Dengan tambahan sebanyak \$1,802,952,785 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undnag-undang ini, maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1980 ialah \$11,591,983,133. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$2,545,885,833 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1980 ialah \$14,137,868,966.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1981. Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$756,402,566 bagi perkhidmatan tahun 1981 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1981 yang asal.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1981 adalah berjumlah \$863,137,879 tetapi sebanyak \$756,402,566 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$106,735,313 dari peruntukan tersebut adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang yang tertentu.

Di bawah Perbelanjaan Bekalan sebahagian besar daripada tambahan ini iaitu sebanyak \$211.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 34—Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Dari jumlah ini, sebanyak \$200 juta diperlukan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri membiayai pertambahan perbelanjaan bayaran gaji berikutan dengan penyemakan semula tanggagaji Pegawai-pegawai Kerajaan mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet yang berkuatkuasa mulai 1-7-1980. Selain dari itu, sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan dan Pemulihan Tanah Negeri Kelantan Darulnaim (TAKDIR) bagi membiayai perbelanjaan pembukaan kawasan baru dan pemulihan rancangan yang sedia ada dan sebanyak \$1.2 juta lagi diperlukan bagi menjelaskan tuntutan Kerajaan Singapura terhadap sumbangan Kerajaan Malaysia kepada Universiti Singapura berkenaan dengan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti tersebut berikutan dari perpisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965.

Lain-lain tambahan yang besar adalah dikehendaki di bawah Maksud-maksud berikut:

- (i) *Maksud B. 35—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun: \$146 juta.*

Dari jumlah ini sebanyak \$135 juta adalah dikehendaki bagi menambah

peruntukan 'Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan' berikutan dengan kenaikan had kelayakan pinjaman bagi Pegawai-pegawai Kerajaan membeli kenderaan dan sebanyak \$11 juta adalah untuk menambah peruntukan 'Kumpulanwang Peniagaan Barang-barang Mustahak' bagi membiayai Skim Bekalan Simen untuk projek-projek pembangunan Kerajaan.

- (ii) *Maksud B. 38—Kementerian Perusahaan Awam: \$108.7 juta.*

Dari jumlah ini, sebanyak \$108.3 juta adalah dikehendaki bagi membiayai Skim Subsidi Harga Padi melalui pemberian kupon yang telah dikuatkuasakan mulai setengah tahun kedua tahun 1980.

- (iii) *Maksud B. 65—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah: \$104.5 juta*

Dari jumlah ini, sebanyak \$102.1 juta adalah diperlukan untuk membiayai perbelanjaan pengurusan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) berikutan dengan keputusan Kerajaan supaya perbelanjaan pengurusan RISDA ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan mulai tahun 1981.

- (iv) *Maksud B. 25—Kementerian Perusahaan Utama: \$70.3 juta*

Dari jumlah ini, sebanyak \$67 juta adalah diperlukan oleh Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia bagi urusan dagangan dan jualan pasaran dan sebanyak \$2.5 juta adalah sebagai pemberian tahunan kepada Lembaga Tembakau Negara untuk membiayai perbelanjaan mengurus bagi tahun 1981.

- (v) *Maksud B. 26—Kementerian Pertanian: \$48.4 juta*

Dari jumlah ini, sebanyak \$33 juta adalah dikehendaki bagi menampung pembayaran elaun-elaun kepada kakitangan Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa (KEMAS) berikutan dengan

perubahan Skim Perkhidmatan dan Elaun Baru bagi Penyelia Pemaju KEMAS dan Pembantu Taman Bimbingan Kanak-kanak; sebanyak \$12.5 juta diperlukan untuk membiayai skim subsidi harga pengguna bagi daging lembu-kerbau bagi tempoh bulan Jun hingga Oktober, 1981 dan sebanyak \$2.9 juta lagi untuk menambah kekurangan peruntukan belanja mengurus di bawah 'Perkhidmatan dan Bekalan' serta "Pemilikan Harta Modal".

Yang lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan seperti yang diterangkan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1981.

Dengan tambahan sebanyak \$756,402,566 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan ialah \$12,290,364,886. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$3,172,737,633 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1981 ialah \$15,463,102,519.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahas, saya suka mengingatkan bahawa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 35(I) seseorang Ahli Yang Berhormat hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan, dia tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.

Perkara-perkara yang terletak di dalam bidang-bidang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) adalah seperti yang terkandung dalam

Kertas-kertas Perintah No. 28,29,30 dan 31 dan hujah-hujah dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah dihadkan kepada perkara-perkara tersebut sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1980 dan 1981 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed.

6.04 ptg.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya barangkali yang mula-mula sekali untuk memberi pandangan berkenaan dengan Rang Undang-undang yang ada didepan kita sekarang dan saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya hanyalah hendak menyebut dalam dua tiga perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kerana barangkali masa begitu singkat sangat. Di dalam peruntukan di Jadual 2, Seksyen 3, saya menyentuh Maksud B. 17—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diperuntukkan kepadanya \$16,259,034.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Berapa?

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed:** B. 17, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perumahan ini saya telah menyentuh banyak di dalam ucapan saya yang lepas tetapi sungguhpun begitu saya ada dua tiga perkara lagi yang saya hendak sentuh di sini kerana perkara masalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini melibatkan pembinaan rumah-rumah sama ada rumah-rumah kos rendah, sederhana dan tinggi.

Pada hari ini saya suka menarik perhatian kepada pinjaman perumahan daripada pihak bank-bank. Sebagaimana yang diutarakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Dato

Mohd. Najib bin Tun Haji Razak pada 18hb. Oktober, 1981 katanya: "Sebanyak 22 daripada 38 buah bank di negara ini masih belum mengeluarkan semua quota minima 10% bagi pinjaman perumahan individu tahun ini berjumlah \$325 juta seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara".

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya masalah pinjaman oleh bank-bank kepada orang-orang perseorangan dan kepada rakyat di negara ini, pihak bank-bank ini mencari dalih dan mencari helah tidak mahu memberi sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara manakala Bank Negara pula dari satu masa ke satu masa memberi amaran, tindakan-tindakan yang tegas akan diambil di atas penyelewengan-penyelewengan yang tersebut. Tetapi setahu saya, tidak ada tindakan yang tegas itu, cuma amaran sahaja diberi. Jadi, tidak jadi pelik, Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan daripada 38 buah bank maka 22 buah bank masih belum mengeluarkan quota minima 10% yang dihadkan. Ini adalah satu penyelewengan. Menurut ketetapan kata Dato Mohd. Najib, 38 buah bank di negara ini, sepanjang tahun 1981 ini hendaklah mengeluarkan pinjaman perumahan individu berjumlah \$3,008 juta iaitu pinjaman ke bawah daripada \$100,000 ialah 74% ataupun \$2,227 juta. Pinjaman lebih daripada \$100,000 hendaklah dikeluarkan 26% iaitu \$781 juta. Tetapi sebagaimana yang dikatakan tadi di antara 38, 22 yang menyeleweng. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pihak Kerajaan pada masa yang akan datang mulai daripada tahun 1982 sebagaimana kita telah menyatukan waktu daripada dua zon kepada satu sahaja, menjadikan waktu standard Malaysia maka begitulah juga pada tahun 1982 ini, tidak usahlah pihak Bank Negara memberi amaran-amaran begitu sahaja melainkan tindakan yang tegas mestilah diambil ke atas bank-bank yang menyeleweng sama ada digantung lesennya ataupun dikenakan penalti dan sebagainya.

Jadi saya dukacita yang amat sangat kalau sekiranya penyelewengan-penyelewengan itu masih berupa amaran-amaran sahaja. Satu lagi saya hendak bawa di Majlis ini berkenaan dengan perumahan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu Dewan Rakyat pada 20hb November, 1981:

“Kerajaan akan melaksanakan 13 projek rumah awam kos rendah jenis kondominium di lima buah negeri meliputi 8,864 unit dalam peringkat permulaan. Negeri-negeri itu ialah Sabah, Johor, Kelantan, Pahang dan Perlis. Kos purata bagi seunit rumah itu dianggarkan \$18,670 sementara harga penawarannya pula ialah \$14,000 sahaja. Rumah-rumah kondominium ini akan diberi keutamaan kepada golongan yang berpendapatan kurang daripada \$750. Bayaran sewa yang dicadangkan ialah lebihkurang \$120 sebulan, selepas 10 tahun menyewa, penyewanya diberi pilihan membeli unit itu dan sewa yang telah dibayar dijadikan sebahagian daripada harganya”.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya 13 projek rumah murah hendak dilaksanakan kepada lima buah negeri saya fikir ini adalah satu perkara yang menjadi perkara yang tidak puas hati di antara negeri-negeri di dalam Malaysia, masing-masing negeri mengatakan tidak cukup rumah. Apakala pihak Kementerian hendak melaksanakan projek-projek ini maka dipilihlah negeri-negeri itu. Saya tidak taulah berasas pada apa, kalau selernya diberi lima buah negeri pada hal projeknya 13. Apalah salahnya kalau 13 projek diberikan satu negeri satu projek selain daripada Wilayah menjadi 13 negeri. Bukankah perkara ini menolong rakyat. Kenapa dipilih lima buah negeri itu sahaja di peringkat permulaan, kenapa tidak diberi satu negeri satu. Ini pun, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu daripada cara-cara memilih kasih pada pandangan rakyat negeri ini. Kerana masing-masing kekurangan rumah, masing-masing berebut-rebut mahukan rumah, tiba-tiba apakala hendak dibuatkan rumah itu dipilih 5 buah negeri sahaja, yang lain itu sabarlah dahulu, samalah seorang bapa, memasak nasi kepada anak-anaknya, yang ramai itu. Apakala hendak diberi makan, dipilih 5 orang anak sahaja, yang lain itu dia kata sabarlah dahulu, biarlah yang ini sahaja makan, adakah patut macam itu.

Sepatutnya, kalau sekiranya ada 13 pinggan bagilah sepinggan seorang, itulah dikatakan perimbangan yang adil. Jadi, saya tidak dapat faham perjalanan, macam ini. Tetapi saya tahu Menteri-menteri memang ada jawapan-jawapan mereka itu memang ada tetapi jawapan-jawapan itu sama ada diterima atau tidak boleh diterima itu sekadar jawapan sahaja. Kepada saya tabik-tabiklah, Tuan Yang di-Pertua, banyak jawapan Menteri itu menjawab seumpama angin yang lalu, tidak dapat saya hendak telan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak memuji-mujikan Kerajaan Negeri Trengganu tetapi saya terpaksa membawa satu daripada rancangan Kerajaan Negeri Trengganu tetapi saya terpaksa membawa satu daripada rancangan Kerajaan Trengganu yang saya fikir bagus menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain. Kerajaan Trengganu telah merancang cara baharu untuk menolong bumiputra yang ada mempunyai tanah di dalam bandar untuk memajukan tanah. Kita tahu sekarang ini banyak bumiputra-bumiputra orang-orang Melayu ini mempunyai tanah tetapi tanah itu tanah sahaja, dia tidak ada mempunyai modal untuk mendirikan rumah-rumah. Oleh kerana mereka tidak mampu hendak mendirikan rumah lama kelamaan ada orang yang tawar sedikit maka tanah itu dijualah kepada sesiapa pun, maka banyaklah kita dapati di seluruh Malaysia tanah-tanah orang Melayu itu yang telah terjual kepada yang bukan Melayu. Pada akhirnya orang Melayu pindahlah daripada bandar itu menuju ke luar bandar. Selagi ada luar bandar, selagi itu mereka ini tuju tidak kiralah dimanapun. Oleh kerana sedarlah perkara ini Kerajaan Trengganu sudah membuat satu skim, satu projek baharu iaitu tanah-tanah orang Melayu di dalam bandar itu menurut Menteri Besar, Datuk Seri Amar di-Raja Haji Wan Mokhtar Ahmad, Kerajaan akan melancarkan satu skim khas sebagai strategi mengecam penjualan tanah milik orang Melayu.

Melalui skim itu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu (PMINT) akan membina bangunan-bangunan kedai dan sebagainya di atas tanah-tanah orang Melayu yang tidak berkemampuan memajukannya sendiri. Bangunan-bangunan itu akan

diserahkan kepada tuan-tuan punya tanah dan mereka dikehendaki membayar balik kos pembinaan secara ansuran kepada Perbadanan melalui sewanya. Melalui skim ini orang Melayu akan kekal memiliki tanah mereka di samping menambahkan harta di tengah-tengah pembangunan yang mencabar sekarang. Itu adalah langkah Kerajaan Trengganu hendak memelihara tanah-tanah orang Melayu dalam bandar. Kerajaan akan dirikan rumah sama ada sewa ataupun rumah kedai dan sebagainya iaitulah diperintahkan kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu dan Perbadanan itu mesti membuatkan rumah-rumah itu kepada orang-orang Melayu yang tidak mampu itu. Apakala rumah sudah terdiri diserahkan kepada tuan punya tanah, dia akan memberi sewa rumah itu. Apakala diberi sewa maka daripada sewa inilah dibayar kepada Kerajaan. Ini adalah satu langkah daripada Kerajaan.

Saya fikir langkah yang baik seumpama ini patutlah dicontohi oleh negeri-negeri yang mahu mencontohinya. Tetapi kalau saya bawa ini tentulah ada orang berkata Trengganu biarlah dia boleh buat begitu kerana dia mendapat royalty minyak. Sabah boleh buat begitu kerana dia juga negeri minyak. Sarawak pun demikian tetapi tidak begitu, Tuan Yang di-Pertua, ini atas kemahuan sahaja. Kalau kita ada mempunyai kemahuan semuanya jadi. Kalau tidak ada kemahuan semua tidak jadi. Terpulanglah kepada pemerintah kita sama ada dia hendak jujur ataupun tidak jujur.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh satu lagi berkenaan Kementerian Pertanian ia itulah B. 26.

Baru-baru ini, saya telah membaca di dalam suratkhbar *Utusan Melayu* bertarikh 5hb November, 1981, dia mewartakan daripada Sabak Bernam bahawa hampir 15,000 guni padi di kawasan sawah padi di Sungai Besar, Sabak Bernam terlantar di tepi jalan kerana tidak dapat dijual disebabkan keengganan wakil-wakil pembeli dari LPN membelinya. Jadi padi-padi yang 15,000 guni itu diletakkan di tepi jalanraya dan ada diambil gambar dan disiarkan dalam suratkhbar itu. Katanya, dengan sebab wakil-wakil pembeli padi daripada LPN tidak

mahu membelinya; tindakan LPN memboikot pembelian padi yang dijual oleh petani-petani itu bukan disebabkan padi itu basah tetapi kerana kekurangan pengangkutan yang disediakan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara, kata dialah. Saya tidak tahu ini, saya baca berita. Jadi ini perkara-perkara yang anih berlaku. Suruh rakyat tanam padi, negara kita kekurangan makanan dan cuma boleh menampung 80% sahaja, 20% lagi adalah daripada luar negeri.

Kita membeli beras daripada Siam, kita membeli beras daripada Burma dan lain-lain lagi. Kalau negara-negara ini tahan berasnya, tak dijual kepada Malaysia maka sudah tentu negara kita ada orang yang kebulur dan kelaparan. Maka dengan sebab itulah Kerajaan menggalakkan lebih-lebih lagi kaum petani supaya mengusahakan padi masing-masing dengan memberi subsidi yang banyak, bukan katanya berpuluh-puluh juta, beratus-ratus juta, hampir beribu juta beri subsidi kepada kaum petani. Maka kaum tani pun tanamlah padi dia, apabila sampai masa menuai, menuailah, maka padi itu dijual kepada Lembaga Padi dan Beras Negara. Maka kalau benar apa yang dilaporkan atau yang menjadi liputan kepada suratkhbar ini, ini satu perkara sama sekali tidak patut dan perkara ini adalah perkara dahsyat. Adakah dengan sebab tak ada pengangkutan padi itu dibiarkan begitu? Jadi menunjukkan Kerajaan ini lemah, hendak cari lori pun tak hendak. Kalau sekiranya di Tanjung Karang itu tak ada lori kenapa tak boleh minta daripada Kuala Lumpur, kenapa tak boleh minta daripada Ipoh, kenapa tak boleh minta daripada negeri-negeri pergi mengangkut padi.

“Menurut agen-agen LPN itu padi yang mereka beli dari petani-petani seminggu dahulu hingga ini masih tersadai di beberapa pusat belian padi menyebabkan kerugian ditanggung oleh agen-agen tersebut”. Fasal tak ada pengangkutan. Jadi padi yang begitu tersadai merata-rata.

“Seorang agen LPN, Haji Mohd. Sharif bin Haji Ismail memberitahu, katanya syarikatnya pernah rugi \$25,000 pada tahun 1978 disebabkan kekurangan pengangkutan LPN pada masa itu dan sehingga ini tidak dapat gantirugi walau pada mulanya LPN

menampung kerugian tersebut". Ini syarikat pula. Jadi macam manalah pihak syarikat ini hendak memberi percaya kepada LPN. Hak tahun 1978 rugi \$25,000 janji hendak ganti, tak ganti sampai sekarang katanya.

"Tuan-tuanpunya lori yang disewa oleh LPN untuk mengangkut padi itu enggan mengangkut disebabkan kerja-kerja yang lambat dan lembab oleh LPN menguruskan padi bila ke pintu kilang". Jadi ada pula satu sebab. Pihak tuanpunya lori tak mahu mengangkut padi LPN ini dengan sebab apakala dibawa kepada kilang-kilang LPN hendak menurunkan padi itu lambat dan lembab, ini menyebabkan dia rugi, menyebabkan lori-lori itu hanya boleh mengangkut sekali sahaja dalam sehari pada hal mereka berkehendak antara 5 hingga 6 kali sehari kerana belanja mengurus lori itu melambung tinggi, termasuk minyak dan alat gantinya. Satu daripada cara-caranya LPN menguruskan padi yang dibelinya itu menyebabkan kerugian kepada kaum-kaum petani.

Jadi saya haraplah perkara ini tidak boleh tersiar sambil lalu sahaja di dalam suratkhbar. Perkara ini adalah melibatkan makanan rakyat, melibatkan makanan asasi. Kalau betul-betul tak ada pengangkutan maka hendaklah diikhtiar dengan seboleh-bolehnya. Kalau tahun 1978 telah berlaku sepatutnya tahun 1979 tidak boleh berlaku lagi tetapi ini berlaku pula pada tahun 1981. Tidakkah ini menunjukkan satu kekecehan, ini satu perkara yang tidak bersungguh-sungguh. Jadi saya harap perkara yang seumpama ini tidak boleh berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanian ini ialah berkenaan dengan soal MAJUTERNAK—daging. Kita pun hairanlah padi ditanam kita tidak boleh makan beras, nasi sahaja, hendak lauk, lauk ikan, lauk daging. Ikan, alhamdulillah, pihak Jabatan Perikanan mengeluarkan lesen-lesen untuk pukat tunda dan sebagainya dan sudah menjadi kecoh di sini dengan sebab pembahagian yang tak betul, sepatutnya pukat-pukat seumpama pukat jerut, pukat tunda itu pergi ke laut lepas sana boleh menangkap ikan yang banyak tetapi dia pergi ke tepi-tepi pantai kikis anak-anak ikan ini

hingga sebentar tadi dalam Dewan ini kita dengar bagaimana ikan-ikan baja, ada patut negeri kita kekurangan baja? Baja boleh dibuat daripada baki-baki minyak, boleh buat daripada tahi kelawar dan sebagainya, kenapa masih ambil ikan di laut, ikan-ikan yang kecil itu mesti dibiarkan supaya besar jadi makanan kita tetapi ini tidak, yang kecil, yang besar semua disapunya. Perkara ini selalu kita dengar di dalam Dewan ini bagaimana taukeh-taukeh pukat itu memukat ikan-ikan yang kecil, bukan jadi makanan tetapi untuk jadi baja pula, ini satu perkara yang tak patut. Jadi kalau sekiranya ada pihak taukeh-taukeh pukat itu melanggar peraturan macam ini jangan kesihan kepada orang kaya begitu, orang yang punya pukat itu, jangan kesihan belas tetapi kesihan belas kepada rakyat jelata yang hendak makan ikan itu, patutlah dibatalkan lesennya, digantung dan sebagainya.

Kemudian kepada daging-daging pula kita kekurangan daging, terpaksa kita membawa masuk ataupun import daging-daging daripada Australia, daripada negeri Thai dan sebagainya. Maka daging ini nampaknya tak ada zamanlah hendak turun harganya, daripada \$4 naik \$5 naik \$6 sampai \$7. Apakala orang mengadu kepada Kementerian Pertanian berkenaan ini dia kata kita tidak boleh kontrol harga, sudah tak boleh kontrol, itu terpulanglah kepada pembeli dan penjualnya. Kalau sekiranya penjual hendak jual \$7 ada pembelinya, ayuhlah. Jadi saya pun hairan juga perkara ini. Sepatutnya tiap-tiap satu itu kita mesti cari jalan. Sekarang ini negara kita sedang membangun, hutan-hutan belantara itu ditebang dijadikan kawasan-kawasan bertanam. Negeri Trengganu membuka kawasan yang besar yang dinamakan KETENGAH, di Pahang, di Johor, di Kelantan semua kawasan-kawasan yang bukannya 1,000 ekar, bukan puluh ribu ekar tetapi ratus ribu ekar, kalau kita periksa apakah yang dibuat dengan kawasan ini, jawabnya mereka itu bercucuk tanam, mereka itu bertanam getah, mereka itu bertanam kelapa sawit. Apa fasal? Kerana ini adalah punca ekonomi yang besar. Kenapa tidak dibahagi-bahagikan kawasan yang hendak dibukakan, takdirnya 100,000 ekar, di antara 100,000 ekar ini keluarkanlah 20,000

ekar untuk ternakan. Kalau sekiranya FELDA boleh membuat caranya—penanam FELDA, FELDA boleh membuka rancangan FELDA iaitu dengan menanam dan menempatkan peneroka-penerokanya rumah-rumah yang duduk di situ sekali, kenapa juga tak boleh membuatkan ternakan seumpama itu, separuh untuk tanaman, separuh untuk ternakan ataupun banyak sangat kata ternakan, suku. Kalau sekiranya 10,000 ekar dibuka untuk tanaman tak bolehkah 2,000 ekar untuk ternakan yang juga diberi sebagaimana tanaman yang tersebut. Jadi kalau tak buat cara ini memang selamalamanya kita kekurangan binatang ternakan. Haraplah kepada orang kampung memelihara, membela kerbau-lembu, cuma tiap-tiap seorang itu adalah 2, 3, 4 ekor, dia hendak bela banyak duit tak berupaya katanya, tak cakap, tak terdaya, apa fasal? Di mana dia hendak ambil padang rumput? Kalau sekiranya lembu dia, kerbau dia masuk ke kawasan orang lain maka dia jadi salah, lembu dia akan ditangkap, akan didakwa di dalam mahkamah, lembu dia hendak makan. Jadi dengan sebab itulah kita mesti mengadakan padang rumput yang besar-besar.

Berapa banyak rombongan Kerajaan kita yang sudah melawat keluar negeri, ada yang melawat keluar negeri kerana menjemput pelabur-pelabur melabur di Malaysia, ada yang hendak meluaskan pandangan, apakah mereka itu tak tengok ladang-ladang yang memelihara binatang ternakan di Australia, New Zealand dan sebagainya. Kemudian apabila balik, kenapa tak memberi syor kepada Kerajaan, kenapa tak bawa di sini satu projek bermelion-melion ringgit di dalam Dewan Negara ini supaya kita boleh luluskan tetapi tak ada, yang ada hanya cara lain. Inilah satu perkara.

Pada pendapat saya kalau perkara yang seumpama ini tidak diamalkan oleh Kerajaan kita sama ada menerusi Kementerian Pertanian dan sebagainya maka selama itulah kita kekurangan daging, kemudian apakah kita kekurangan daging kita terpaksa import daging itu daripada negeri lain. Apakala kita import daging dari luar negeri, sudah tetaplah harganya berlipatganda, maka selain daripada itu timbullah pula di dalam daging lembu itu dicampur dengan daging

kuda, dicampur dengan daging Kangaroo, selain daripada daging itu ditampal kerana tanda hendak mengabui mata orang Islam di sini dikatakan "DITANGGUNG HALAL" Siapa tanggung halal? Di sini timbul masalah lagi.

Pihak Penguatkuasa Kementerian Perdagangan mengakui, tetapi mereka bukan Tok Mufti, dia orang kebanyakan, orang makan gaji. Jadi barangkali kalau sekiranya taukeh, saudagar, ahli perniagaan itu mahu beri jaminan kepada dia, dia pun percaya. Kalau kita tanya dia, macam mana yang dia boleh setuju kerana saya percaya kepada dia. Ini bukan masalah percaya, Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah melaksanakan perkara itu dengan betul. Saya harap pihak MAJUTERNAK dan pihak Kementerian Pertanian janganlah memandang sepi perkara lauk-nasi kita iaitu sama ada ikan ataupun daging, janganlah dipertingkatkan harganya sekarang ini menganiaya kepada orang miskin, dia hendak beli satu kati daging sampai \$7 mana dia terdaya dan upaya? Terpaksalah dia ke pasar dan beli anak-anak ikan kecil. Dengan sebab makanannya yang tak berkesampaian maka dia tak dapat zat yang baik dalam tubuh dia, banyak datang penyakit. Apakala pergi jumpa doktor untuk diperiksa, dikatakan orang ini berpenyakit. Awak kurang zat, kurang vitamin. Oleh itu doktor pun beri vitamin boleh makan 5-6 hari selepas itu dia sakit semula. Fasal apa? Kerana tak ada daya upaya hendak makan daging, tak usahkan seminggu sekali, sebulan sekali pun tak boleh, dengan sebab pendapatannya tiap-tiap hari ibarat kais pagi, makan pagi; kais petang, makan petang, tetapi kalau sekiranya negara kita makmur, dagingnya murah, kita dapati orang-orang di negara kita sihat-sihat belaka. Inilah maksud Kerajaan kita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Kerajaan mengenai B. 65—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Perkara ini sudah banyak kali saya bercakap minggu lepas berkenaan dengan tanah-tanah Kerajaan. Saya bukan menuduh Kerajaan lemah tetapi saya mengatakan ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan itu, ramai yang tidak menunaikan tugas masing-masing dengan sepenuhnya. Kalau tidak

masakanlah tanah yang berpuluh ribu ekar diteroka dengan jalan haram. Ini satu cerita baru lagi, Tuan Yang di-Pertua, berlaku di Taiping, Perak:

“Encik Osman bin Mohamad, Pegawai Daerah Larut dan Matang memberitahu di dalam satu pertemuan bahawa tindakan keras akan diambil terhadap sindiket dan orang-orang perseorangan yang melibatkan kegiatan menjual tanah-tanah Kerajaan kepada orang ramai di sekitar Taiping tanpa sebarang dokumen”.

Sedih, Tuan Yang di-Pertua. Tanah Kerajaan pula dijual. Jadi Pegawai Daerah beri amaran. Ini semua perkara ajaib, tetapi saya terpaksa sebut di sini supaya di dalam Dewan ini dapat diketahui oleh umum, mudah-mudahan percakapan saya ini disiarkan di dalam TV supaya seluruh negara tahu, saya tidak hendak sembunyikan hal ini. Kalau orang Trengganu dikatakan “Sedih” itu maknanya satu perkataan yang menarik. Sampai Pegawai Daerah memberi amaran ada orang menjual tanah Kerajaan. Tambahnya:

“Orang-orang itu telah membuat lot-lot di atas tanah Kerajaan dan kemudian telah menjual kepada orang-orang yang hendak membelinya tanpa dokumen bukti tentang penjual tanah tersebut”.

Berani hamba Allah itu. Ambil pelan tanah, buat lotkan—lot nombor satu, dua, tiga, empat, lima dan seterusnya, jual kepada orang ramai.

“Orang-orang yang membeli tanah Kerajaan itu boleh diambil tindakan oleh Kerajaan mengikut Seksyen 425 (1) (a) Kanun Tanah Negara yang boleh dikenakan hukuman sehingga \$10,000 atau setahun penjara”.

Jadi janganlah sampai begitu, sampai maknanya orang ramai sudah mencero boh tanah Kerajaan. Kalau mencero boh tanah Kerajaan itu seumpama di Kuala Lumpur kerana hendak membuat rumah setinggi itu ala-kulihallah juga. Kalau sekiranya ceroboh tanah Kerajaan seekor dua kerana hendak bercucuk tanam, itu pun juga mungkin boleh dimaafkan tetapi sekarang dijualnya pula. Ini

timbul akhirnya—dilotkan tanah Kerajaan, ambil mana-mana tanah Kerajaan yang kosong, buat lot—tak peliklah buat pelan tanah itu kerana sekarang ini kita boleh photostat dan sebagainya. Jual kepada orang ramai. Itu cara yang terakhir sekali.

Jadi, saya harap walaupun perkara tanah ini perkara negeri maka patutlah pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah membawa perkara ini di dalam mesyuarat-mesyuaratnya yang akan datang supaya perkara yang seumpama ini tidak berlaku lagi.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.37 ptg.

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan 1980 dan 1981 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B. 21 iaitu berkenaan dengan Jabatan Perpustakaan Negara.

Pada hari ini kalau kita rajin pergi membaca buku dan kita perlu membuat rujukan dan sebagainya, kita akan pergi mencari Perpustakaan Negara, kadang-kadang tak jumpa kalau kita sebutkan Jalan Raja Laut. Sebuah Perpustakaan Negara, namanya begitu indah sekali. Perpustakaan Negara, perkataan “negara” itu yang digunakan. Jadi apabila orang datang daripada luar, orang akan melihat satu bangunan yang indah, satu tempat yang selesa untuk siapa yang berminat hendak membuat rujukan dan sebagainya mencari tempat itu, tetapi malangnya Perpustakaan Negara kita hari ini kalau kita lihat sudah terlalu sempit, tempat yang disewa iaitu sekarang ini kalau tak silap saya Perpustakaan Negara itu sendiri ada menyewa tempat di Bangunan Sachdev dan kalau tak silap saya ada lagi cawangannya di Jalan Spooner dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihatkan kepada peruntukan \$178,730 ini sebagai

tambahan. Saya tidak tahulah detil kegunaannya wang ini tetapi, saya ingin menyentuh untuk perhatian Menteri yang berkenaan kerana saya dengan secara tak langsung pernah terlibat pada tahun 1976 untuk berusaha membantu Kerajaan mencari kewangan daripada orang ramai supaya terdirilah satu Perpustakaan Negara yang pada ketika itu, pelan-pelannya sudah siap semua sekali dan kemudian kita dengar dikatakan tak sesuai tanah tapak dan sebagainya, tanah Kerajaan sudah tidak ada pula tempat yang ditentukan. Pergi cari pula tempat lain, cari punya cari akhirnya saya tak tahu di mana akhirnya hari ini. Menengokkan keadaan Perpustakaan Negara ini kerana bagi saya perpustakaan ini amatlah penting kepada masa depan anak-anak kita terutama mereka yang dibangku sekolah yang memerlukan satu perpustakaan yang lengkap dan kakitangan yang cukup dan terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan pertama sekali masalah Bangunan Perpustakaan Negara ini dipercepatkan.

Yang keduanya, Jabatan-jabatan Perpustakaan Negara ini dilengkapi dengan mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang ini dan kita harap Kementerian ataupun Jabatan yang berkenaan menambahkan bilangan pegawai-pegawai yang betul-betul berminat dan tahu tugas-tugas di dalam bidang perpustakaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh pula perkara B. 17—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat tadi menyuarakan rasa tidak puas hati dan kebimbangan terutama berkenaan dengan mereka yang memerlukan rumah kos rendah. Hari ini jelas pada kita semua bahawa pemaju-pemaju rumah tidak memikirkan kepada rakyat yang berpendapatan rendah, mereka lebih memikirkan kepada orang yang mempunyai wang yang banyak, yang mampu membeli rumah yang berharga lebih daripada \$100,000. Hari ini orang-orang yang bergaji rendah sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang bergaji \$750 sebulan hendak mencari rumah yang berharga lebih kurang dalam \$80,000, mungkin duit ada, tetapi rumahnya tidak ada, ini apa cerita?

Kalau Kerajaan betul-betul hendak menolong masyarakat yang berpendapatan rendah ini, saya memandang perkara ini begitu serius, saya ulangi lagi dalam Dewan ini kalau dilihat di sekitar Wilayah ini sahaja. berapa banyak rakyat kita yang tinggal di rumah-rumah setinggan, begitu juga kepada bekas tentera, bekas perajurit kita, mereka yang sudah berpangkat Sarjan dan sebagainya, tiba-tiba terdapat mereka ini tinggal di rumah-rumah tanah haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, imej negara kita baru sahaja kita luluskan tadi satu Akta yang baru hendak menyamakan imej kita kepada taraf antarabangsa, kita mengatakan waktu kita pergi di Indonesia kita melihat rumah sekitaran di bawah jambatan dan sebagainya, melihat orang tinggal di merata-rata tempat. Kita pandai mengata, tetapi kalaulah kita bawa tetamu daripada luar negeri lalu di antara Lapanganterbang Subang masuk ke bandar Kuala Lumpur cuba kita lihat kirkanan jalan, boleh dikatakan sepanjang jalan itu terdapat rumah-rumah haram ini kerana rasa saya mereka ini hendakkan tempat untuk berlindung, hendakkan tempat untuk hidup dan tempat berteduh.

Tuan Yang di-Pertua, sampailah masanya Kementerian Perumahan ini memikirkan satu cara supaya menahan pembinaan rumah yang besar-besar yang berharga \$250,000-\$300,000. Kalau ada di antara rakan-rakan kita yang mampu membelinya biarlah masing-masing beli tanah bina sendiri, kita pun tidak menjadi masalah, orang yang ada biarkan. Tetapi masanya telah sampai bagi Kementerian ini memikirkan masyarakat yang berpendapatan rendah pada hari ini. Saya akan membincangkan perkara ini lagi di dalam beberapa Akta yang akan ditimbulkan di dalam Dewan ini kerana saya fikirkan seperti badan yang kita tahu Lembaga Urusan dan Tabung Haji sudah pun mengadakan satu syarikatnya untuk melibatkan bahawa orang yang menjadi ahli ini sekarang mendapat rumah-rumah ini. Tetapi rasa saya Kementerian ini sendiri mestilah mempunyai satu pandangan, satu tujuan iaitu untuk mengatasi masalah ini, untuk menolong masyarakat yang berpendapatan rendah. Kementerian ini mestilah ada satu pandangan yang jauh, satu pandangan supaya wang tambahan yang diberikan kepada

Kementerian ini seperti yang terdapat di dalam Maksud B. 17 sebanyak \$16 juta cubalah diikhtharkan, digunakan wang ini untuk memberikan bantuan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B. 47 iaitu Kementerian Penerangan. Saya merasa tidak sedap hati walaupun Menteri-menteri yang berkenaan ini semua adalah rakan-rakan kita, tetapi oleh kerana itu maka saya rasa tidak seronok mendengar beberapa orang di Kementerian ini telah meninggalkan Kementerian ini kerana untuk bertugas di negara jiran tetangga dengan sebab tingkatan gaji mewah, mendapat promotion, pada tiap-tiap tahun ada pertimbangan untuk itu dan ini. Jadi, bila orang bercerita dengan saya perkara ini, maka saya rasa perkara ini perlu dibawa kepada pengetahuan rakan-rakan kita di dalam Dewan ini supaya kita dapat menimbangkan perkara ini kerana rasa saya Kementerian Penerangan ini adalah satu Kementerian yang bagi saya mustahak sekali kerana di sinilah tempatnya rakyat jelata dapat mengetahui akan pembangunan negara, kemajuan masyarakat dan sebagainya lagi. Di sinilah dapat dikumpulkan segala dasar-dasar Kerajaan untuk pengetahuan umum, dan jika kita dapati bahawa kakitangan di Kementerian yang tidak puas hati dan meninggalkan Kementerian itu suka pula bekerja dengan pihak-pihak lain maka saya ada sesuatu yang tidak kena di dalam Kementerian ini yang perlu kita lihat dan kita selidiki.

Satu perkara berhubung dengan perkara ini juga saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua iaitu usaha Kementerian ini untuk menghidupkan balik Pusat Akhbar Tenggara Asia dengan satu nama yang baru iaitu Institut Akhbar Malaysia, Institut ini gunanya untuk melatih wartawan-wartawan tempatan di dalam untuk meningkat bidang profession kewartawanan ini. Malangnya setelah Pusat Akhbar Tenggara Asia itu dimansuhkan digantikan dengan Institut ini saya berasa amat dukacita sangat, bantuan yang diberi oleh Kerajaan untuk mentadbirkan Institut hanya setakat \$50,000 sahaja. Saya berharap Kerajaan akan dapat menolong Institut ini

kerana tujuannya untuk melahirkan wartawan-wartawan kita yang bijak, yang pandai, yang tahu tugas masing-masing tanpa dikritik orang dan berbagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Institut ini pentingnya melatih wartawan-wartawan kita untuk meningkatkan profession mereka itu dan perlu juga Institut ini mendapatkan wang yang banyak supaya dia mengadakan satu kurikulum yang sesuai dengan kehendak negara ini dan dengan itu perlu mengadakan orientasi kepada ahli-ahlinya daripada satu masa ke satu masa.

Sekarang ini kita telahpun ada satu di peringkat wilayah (regional) yang dinamakan ASEAN Youth Network (AYN). Okjektifnya begitu luas sekali iaitu supaya meningkatkan profesion ini kepada satu tingkat yang boleh melahirkan kehendak wilayah itu sendiri iaitu supaya dia menjadikan satu pusat melatih para wartawan kita ke satu tingkat yang dapat disetandingkan dengan yang dinamakan The Big Five iaitu Reuter, AP, UPI, ASP ataupun Tass.

Kita tidak mahu wartawan-wartawan kita dikuasai oleh 5 badan ini dan dijadikan badan ini satu tempat untuk melatih mereka. Kita mahukan AYN digunakan dengan sepenuhnya untuk melatih wartawan-wartawan kita dengan konsep pembangunan negara ini sendiri, jangan kita hantar mereka ini ke tempat-tempat itu ataupun dikuasai oleh The Big Five, akhirnya bila mereka balik ke negeri ini, segala-gala yang kita buat sudah tidak baik lagi kepada pandangan mereka.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap kepada Kementerian ini supaya memperluaskan lagi Bahagian Penyelidikan iaitu menyelidik dari segi kurikulumnya, keperluan rakyatnya, aspirasi negara dan minat masyarakat di negara ini. Di samping itu Kementerian ini perlulah mengadakan satu jabatan yang dapat menilai segala usaha dan kerja-kerja yang telah dijalankan.

Di samping itu Kementerian ini perlulah melihatkan bahawa program-program yang dikeluarkan oleh Kementerian melalui televisyen, melalui radio, melalui segala

media am supaya dapat benar-benar sampai kepada hasrat dan juga Kerajaan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.54 ptg.

**Dato' Haji Ismail bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981).

Dalam mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini, saya akan menyentuh satu dua perkara. Yang pertama sekali berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian ini mempunyai berbagai-bagai jabatan di bawahnya, yang boleh dikatakan segala-galanya memperbaiki taraf hidup rakyat, kalau dijalankan dengan sempurna, betul dan dengan ikhlas.

Kita nampak hari ini orang-orang dewasa, orang-orang kampung masih lagi belum memberi sambutan yang begitu meriah dan menerima hasil-hasil daripada usaha Jabatan Pertanian, terutamanya mengeluarkan padi, mengeluarkan beras, mengeluarkan daging, mengeluarkan ikan. Ini semua ialah untuk memperbaiki taraf hidup rakyat dan memberi kesihatan sebagaimana yang disebutkan oleh saudara saya tadi Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim segala-galanya boleh dikatakan kecewa.

Hari ini kalau kita menjelajah ke kampung-kampung banyak bendang-bidang atau sawah-sawah yang tertinggal begitu sahaja sedangkan kita dalam negara ini berkehendakkan sekurang-kurangnya pendapatan bekalan untuk negeri kalau tidak dapat pun kita menghantar ke luar negeri. Tetapi ini semua telah kecewa dengan sebab-sebab yang tertentu oleh kerana saya tahu Jabatan Pertanian kadangkala diapun jarang-jarang pergi melawat ke kampung; hanya menunggu orang-orang kampung datang ke pejabat. Ini sudah salah—terbalik. Jadi yang sebaiknya pegawai-pegawai Jabatan Pertanian ini sentiasalah pergi masuk kampung-kampung cara mana dapat mereka itu menambahkan penghidupan mereka dengan bercucuk-tanam hasil mahsul bumi yang

sepatutnya dapat dikeluarkan oleh orang-orang kampung itu sendiri.

Hari ini beribu-ribu ekar tanah yang terbiar begitu sahaja. Konon-konon jawapannya tidak ada orang yang hendak buat kerja tetapi saya tahu kerana saya sendiri terlibat masa saya jadi ahli Dewan Undangan Negeri Johor kerana dicabar oleh orang kampung pada masa itu sebagai Wakil Rakyat, saya terpaksa menerima cabaran dan membuat lebih kurang 10 ekar tanah sawah, mengeluarkan padi selama 10 tahun. Dalam perusahaan saya selama 10 tahun itu tidak ada lima kali pun pegawai-pegawai Pertanian ini datang menyiasat bagaimana cara-caranya. Ada masanya bila saya pergi ke Pejabat Pertanian minta baja, dia kata: Baja apa? Saya kata: Baja padi. Dia kata: Saya tidak tahu macam mana baja padi, yang ada pada saya ialah baja kelapa dan baja getah. Patutlah sawah-sawah di sekeliling tempat saya itu semuanya merah kerana dapat baja getah ataupun baja kelapa. Di sini menunjukkan betapa cuainya pegawai-pegawai ini sehingga ada yang tidak tahu macam mana baja untuk hendak menanam padi.

Begitu juga Penghulu-penghulu yang bertanggungjawab yang bekerja di dalam Jabatan-jabatan Tanah, Penghulu-penghulu yang bertanggungjawab langsung kepada rakyat. Adakah Penghulu ini pernah datang memijakkan kakinya dalam sawah, dalam lumpur?—tidak ada. Sepuluh tahun lamanya tidak ada satu orang pun Penghulu-penghulu itu datang bertanya: Macam mana, berapa pendapatan awak—tidak ada. Jadi bagaimanalah orang-orang kampung hendak menjayakan pertanian mereka kerana tidak dapat langsung pun nasihat-nasihat daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.

Jadi untuk membangunkan semangat tenaga orang kampung dalam segi pertanian hendaklah selalu pegawai-pegawai ini mendekati mereka. Apa gunanya balairaya dalam kampung, akhirnya balairaya itu ditunggu oleh kambing, ditumbuhi oleh rumput, tidak nampak lagipun ada di situ dan tidak digunakan, padahal tujuannya baik untuk mesyuarat pertanian, untuk mesyuarat itu dan mesyuarat ini bagi faedah orang kampung itu sendiri. Tetapi oleh kerana tidak digunakan maka tertinggal begitu sahaja.

Jadi orang kampung itu masih lagi menderita pada hari ini, kalaulah tidak salah kita katakan orang kampung itu masih kurus kering dengan tidak dapat zat, orang nelayan berbisik macam ikan balik daripada laut tetapi untuk dia sendiri ikan yang ditangkapnya hendak makanpun tidak cukup.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menyambung pada hari Isnin.

**Dato' Haji Ismail bin Hassan:** Terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 21hb Disember, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*